
Melahirkan dan
Membanggunkan Masyarakat
yang Lebih Kondusif

LAPORAN TAHUNAN 2022

Kandungan

Laporan Tahunan 2022

Seulas Pinang

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan
Wanita, Keluarga dan
Masyarakat

- iv Visi, Misi dan Matlamat
- vii Objektif

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

No 55, Persiaran Perdana Presint 4,
62100 Putrajaya, MALAYSIA.

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.



www.kpwkm.gov.my



twitter.com/kpwkm



www.facebook.com/kpwkm



info@kpwkm.gov.my

Laporan Prestasi 2023

10	Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
20	Bahagian Hubungan Antarabangsa (BHA)
42	Bahagian Pembangunan
50	Bahagian Kewangan
32	Bahagian Khidmat Pengurusan
56	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
70	Bahagian Khidmat Pengurusan
74	Bahagian Pengurusan Maklumat
86	Bahagian Akaun
92	Bahagian Kolaborasi Strategik

Jabatan/Agenzi di Bawah KPWKM

129	Unit Audit Dalam
140	Unit Komunikasi Korporat
190	Bahagian Pembangunan
146	Unit Integriti
154	Jabatan Kebajikan Masyarakat
198	Jabatan Pembangunan Wanita
206	LPPKN Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
215	Institut Sosial Malaysia
247	Aktiviti Lembaga Kaunselor 2022

Sekapur Sirih

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera,

Alhamsdulillah, akhirnya Laporan Tahunan KPWKM Tahun 2022 berjaya disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Tahun 2022 membuka jendelanya dengan pelbagai cabaran dan saya ingin mengingatkan kepada semua warga Kementerian untuk terus memantapkan lagi semangat bekerja dengan lebih jitu dan dapat mengadaptasikan perkhidmatan yang lebih cekap, berkesan dan cepat.

Sekalung ucapan terima kasih kepada semua bahagian/unit/jabatan dan agensi dibawah KPWKM yang turut membantu dalam menyiapkan Laporan Tahunan KPWKM Tahun 2022 ini. Semoga penerbitan Laporan Tahunan KPWKM 2022 ini menjadi sumber rujukan dan hebahan maklumat kepada umum dalam meningkatkan pengetahuan mengenai perkhidmatan-perkhidmatan di bawah KPWKM.

Sekian terima kasih.

Maziah

DATUK DR. MAZIAH BINTI CHE YUSOFF

Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)



Sekapur Sirih

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Saya mengucapkan sekalung tahniah dan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam menyiapkan penerbitan Tahunan KPWKM bagi tahun 2022 ini. Di atas usaha yang bersungguh ini Laporan Tahunan KPWKM tahun 2022 dapat diterbitkan yang banyak memaparkan maklumat perkhidmatan, aktiviti dan kejayaan yang telah dicapai oleh kementerian termasuk jabatan dan agensi dibawahnya.

KPWKM merupakan satu kementerian yang menjaga hal ehwal semua lapisan masyarakat khususnya kumpulan sasar yang memerlukan bantuan dan perhatian daripada kerajaan. Justeru itu, KPWKM terus komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Maka, dengan terbitan Laporan Tahunan KPWKM ini, dapat menjelaskan aktiviti-aktiviti semua anggota KPWKM sama ada di peringkat dasar mahu pun ke lapangan untuk menyalurkan perkhidmatan ke akar umbi.

Akhir kata, tahniah dan terima kasih kepada Sidang Redaksi serta semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan Laporan Tahunan KPWKM kali ini.



NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



Sekapur Sirih

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

Syabas dan tahniah dan terima kasih semua yang terlibat dalam menyiapkan penerbitan laporan Tahunan KPWKM bagi tahun 2022 ini. Di atas usaha yang bersungguh ini Laporan Tahunan KPWKM ini dapat diterbitkan secara lahiriahnya memberikan perkhidmatan, pelbagai aktiviti dan kejayaan yang telah dicapai oleh kementerian, jabatan dan agensi.

Penyampaian perkhidmatan yang berkesan akan memberi impak yang sangat positif terutamanya kumpulan sasar untuk menikmati kemudahan yang telah disediakan oleh KPWKM. Penglibatan semua pegawai dan kakitangan KPWKM dalam usaha-usaha yang berterusan agar kumpulan sasar tidak tercicir untuk menikmati perkhidmatan yang telah disediakan dibawah KPWKM.

Penerbitan Laporan Tahunan KPWKM kali ini, diharap dapat menjelaskan usaha-usaha murni yang telah disalurkan dan seterusnya dinikmati oleh semua kumpulan sasar.

Akhir kata, tahniah dan terima kasih kepada Sidang Redaksi serta semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan Laporan Tahunan KPWKM kali ini.

Aiman Athirah

AIMAN ATHIRAH BINTI SABU
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



LATAR BELAKANG KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)

KPWKM pada awal penubuhannya dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Wanita seperti mana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 17 Januari 2001. Fungsi Kementerian kemudiannya telah diperluas dan ditukar nama kepada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK) mulai 15 Februari 2001. Penubuhan KPWK adalah manifestasi pelaksanaan iltizam negara yang dibuat semasa Persidangan Sedunia Keempat Wanita di Beijing pada tahun 1995 seperti yang terkandung dalam Dokumen Landasan Tindakan bagi memajukan wanita ke tahun 2000 iaitu:

“Pewujudan sebuah Kementerian yang lengkap menggambarkan komitmen Kerajaan yang tinggi untuk meningkatkan martabat wanita di negara ini”

Selaras dengan penubuhan KPWK, Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah diletakkan di bawah Kementerian ini. HAWA kemudiannya distruktur semula dan dikenali sebagai Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

Pada 27 Mac 2004, fungsi Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah dibubarkan dan



**Penubuhan
KPWK adalah
manifestasi
pelaksanaan
iltizam negara
yang dibuat
semasa
Persidangan
Sedunia
Keempat
Wanita di
Beijing pada
tahun 1995**



telah dipindahkan ke KPWK. Sehubungan itu, KPWK telah ditukar nama menjadi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Kini, KPWKM merupakan peneraju utama dalam pembangunan dan kesejahteraan wanita, keluarga dan masyarakat selaras dengan konsep Pembangunan Malaysia MADANI.

KPWKM mempunyai enam (6) buah Jabatan/Agensi di bawah pentadbirannya yang melaksanakan fungsi dan peranan berteraskan visi dan misi yang ditetapkan seperti berikut:

- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang ditubuhkan pada tahun 1946. JKM merupakan peneraju utama kebajikan dalam pembangunan dan kesejahteraan masyarakat;
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang ditubuhkan pada tahun 1966. LPPKN menjadi tonggak dalam memacu agenda kependudukan, perkahwinan dan kekeluargaan melalui penyelidikan, perkhidmatan dan program pembangunan keluarga yang inovatif;
- Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) yang ditubuhkan pada tahun 2001. JPW bertanggungjawab dalam

memperkasa penglibatan wanita ke arah pembangunan negara;

- Institut Sosial Malaysia (ISM) yang ditubuhkan pada tahun 2002. ISM merupakan institut latihan awam (ILA) yang memberi fokus kepada bidang sosial dan pembangunan sosial;
- Yayasan Kebajikan Negara (YKN) yang ditubuhkan pada tahun 1981. YKN merupakan sebuah organisasi yang menjalankan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak dalam usaha menjana dana kewangan juga perkhidmatan untuk meningkatkan taraf hidup keluarga dan kanak-kanak yang memerlukan melalui perkhidmatan kebajikan, kesihatan dan pendidikan; dan
- Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) yang ditubuhkan pada tahun 2000. LKM berperan andalamm memperkasa dan memperluas aksesibiliti perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri telah dilantik sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 3 Disember 2022 manakala YB Hajah Aiman Athirah binti Sabu pula dilantik sebagai Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 10 Disember 2022.

YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff telah dilantik sebagai Ketua Setiausaha pada 10 Mac 2021 dan dibantu oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), YBrs. Encik Chua Choon Hwa mulai 13 Mei 2022 serta Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), YBrs. Puan Farah Adura binti Hamidi mulai 30 Januari 2023.

KPWKM terbahagi kepada Sektor Strategik, Sektor Operasi dan Unit-unit di bawah Ketua Setiausaha seperti berikut:

Sektor Strategik

- Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
- Bahagian Kolaborasi Strategik
- Bahagian Hubungan Antarabangsa

Sektor Operasi

- Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Bahagian Kewangan
- Bahagian Akaun
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Pembangunan
- Bahagian Pengurusan Maklumat

Unit-Unit di bawah KSU

- Unit Komunikasi Korporat
- Unit Integriti
- Unit Penasihat Undang-Undang
- Unit Audit Dalam



Visi

Peneraju utama dalam Pembangunan Masyarakat ke arah kemakmuran bersama.



Misi

Membangun masyarakat sejahtera secara inklusif dan saksama melalui inovasi sosial dan kebijakan produktif.

Objektif

1 Memperkuuh institusi perkahwinan dan kekeluargaan untuk kestabilan sosial;

2 Memperkasa wanita dan mengarus perdana gender bagi mencapai kesejahteraan bersama;


3 Menjamin hak dan kesejahteraan kanak-kanak bagi mencapai potensi yang optimum;


4 Mendaya upaya orang kurang upaya, warga emas dan kumpulan khusus demi kesejahteraan hidup; dan


5 Meningkatkan kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan untuk sistem sokongan yang berkesan dan menyeluruh.

CARTA ORGANISASI

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT







BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK



INPUT PENGISIAN BUKU LAPORAN TAHUNAN KPWKM BAGI TAHUN 2022

1

Program dan Aktiviti:
**Penyerahan Laporan
Berkala Convention On
The Elimination of All
Forms of Discrimination
Against Women
(CEDAW) Keenam
Malaysia kepada
Jawatankuasa CEDAW
di Geneva, Switzerland**

Tarikh: 25 April 2022

**Info / Berita Ringkas
mengenai Program dan
aktiviti:**

Laporan Berkala Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) Keenam Malaysia telah berjaya dikemukakan kepada Jawatankuasa CEDAW, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 25 April 2022.


Laporan ini merangkumi pencapaian Malaysia dari tahun 2017 hingga 2021 termasuk maklumat terkini berkaitan dasar, inisiatif dan langkah bersepadu yang diambil bagi menghapuskan diskriminasi terhadap wanita sejajar dengan apa yang telah diperuntukkan dalam CEDAW. Penyediaan laporan tersebut yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) merupakan hasil daripada konsultasi bersama pelbagai pihak terutamanya Kementerian dan agensi Kerajaan yang berkaitan termasuk pertubuhan bukan kerajaan bagi memastikan laporan tersebut memberi maklum balas terhadap saranan Jawatankuasa CEDAW melalui Concluding Observations (CEDAW/C/mys/CO/3-5) dan follow-up recommendation (BJ/follow-up/Malaysia/79) bertarikh 19 Julai 2021.

Malaysia telah menunjukkan pencapaian yang berterusan dalam usaha memastikan pelaksanaan peruntukan Konvensyen meskipun negara menghadapi pelbagai cabaran termasuk untuk kembali pulih daripada pandemik COVID-19 pada tahun 2020 dan 2021.

Sehubungan itu, langkah yang diambil untuk mencegah keganasan terhadap wanita, memperkasa dan menyokong wanita semasa pandemik COVID-19 telah diberi perhatian khusus dalam laporan ini. Kerajaan serius untuk menyediakan persekitaran yang kondusif untuk memperkasa dan memastikan wanita mencapai impian mereka tanpa diskriminasi.

Dalam tempoh empat tahun (2017-2021), Kementerian menggunakan pakai pendekatan bersepadu untuk mengarusperdana gender melalui kerjasama erat dengan pertubuhan sivil dan masyarakat dalam persediaan, pelaksanaan dan pemantauan semua dasar dan program Kerajaan. Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 telah mengemukakan secara komprehensif isu wanita yang menegaskan komitmen dan kemahuan politik Kerajaan ke arah usaha untuk pembangunan yang lebih inklusif untuk wanita. Selain itu, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (2021-2030) merupakan komitmen untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang mencapai pertumbuhan mampan dengan pengagihan yang adil dan saksama merentas kumpulan pendapatan, etnik, jantina, wilayah dan rantaian bekalan.

Laporan ini adalah bukti komitmen Malaysia terhadap pelaksanaan peruntukan di bawah CEDAW di samping memenuhi hak wanita berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, perundangan dan dasar negara.



Buku Laporan CEDAW telah diterbitkan dan

2

Program dan Aktiviti:
**Pewartaan Akta
Antigangguan Seksual
2022**

Tarikh:
18 Oktober 2022

Info / Berita Ringkas
mengenai Program dan
aktiviti:

Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840] telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 20 Julai 2022 dan diluluskan di Dewan Negara pada 11 Ogos 2022. Akta 840 ini kemudiannya telah menerima perkenan daripada Yang di-Pertuan 3 Agong pada 8 Oktober 2022 dan seterusnya diwartakan sebagai suatu Akta baharu pada 18 Oktober 2022. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bercadang untuk menguatkuasakan Akta 840 secara berperingkat mulai tahun 2023 melibatkan takrifan gangguan seksual, elemen kesedaran, pendidikan serta pemahaman mengenai gangguan seksual kepada masyarakat terlebih dahulu.

KPWKM telah membangunkan Akta 840 sebagai satu manifestasi penting untuk menunjukkan bahawa kesalahan gangguan seksual merupakan satu pelanggaran hak asasi manusia dan suatu bentuk keganasan berdasarkan gender.

Lima (5) elemen penting yang diperkenalkan dalam Akta 840 adalah:

- (i) Penggunaan definisi gangguan seksual yang komprehensif dan terpakai untuk semua;
- (ii) Pemakaian undang-undang yang lebih meluas, tanpa mengira kesalahan berlaku di tempat kerja atau di mana-mana tempat lain;
- (iii) Penambahbaikan terhadap sistem perundangan sedia ada dalam pengendalian aduan gangguan seksual iaitu menerusi penubuhan tribunal khusus;
- (iv) Standard pembuktian perlakuan gangguan seksual di Tribunal yang menggunakan pembuktian secara imbangan keberangkalian (*balance of probabilities*); dan

- (v) Tebus rugi (Redress) kepada mangsa melalui pemberian remedi yang bersesuaian yang tidak hanya bersifat punitif dan pengajaran terhadap responden sahaja.

Tujuan utama Akta 840 adalah untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai gangguan seksual agar perkara ini tidak dinormalisasikan serta menyumbang ke arah pewujudan persekitaran yang selamat kepada masyarakat.

Pautan kepada gambar:

Bacaan di Dewan Rakyat: <https://i-know.kpwkm.gov.my/sharing/WwvdpQem8>

Bacaan di Dewan Negara: <https://i-know.kpwkm.gov.my/sharing/Qo4enuWIV>

Salinan Akta 840: <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/index.php?r=portal/full3&id=SHpqYnpDW&hPbGxrRE1QYlcvaVB4Zz09>

Sambutan Hari Antipemerdagangan Orang Sedunia (World Day Against Trafficking [WDAT]) disambut pada 30 Julai setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran dan mendapatkan sokongan semua yang terlibat untuk mencegah aktiviti pemerdagangan manusia. Ini adalah kali pertama Malaysia membuat sambutan di peringkat kebangsaan. Sambutan WDAT 2022 merupakan anjuran bersama KPWKM dengan Pejabat Strategik Nasional, Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO), Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Global Shepherds Berhad, Suka Society dan SHUT. Seramai 230 orang tetamu telah hadir yang melibatkan Kementerian

3

Program dan Aktiviti:
Sambutan Hari Antipemerdagangan Orang Sedunia 2022 - World Day Against Trafficking (Wdat)

Tarikh: 4 Ogos 2022

Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti:



**Majlis WDAT
2022 telah
dirasmikan
bersama oleh
YB Menteri
Kementerian
Dalam Negeri
dan YB
Menteri
Pembangunan
Wanita,
Keluarga dan
Masyarakat.**



dan Agensi Kerajaan yang terlibat dalam menangani isu pemerdagangan orang di Malaysia di samping tetamu-tetamu daripada Kedutaan asing dan pertubuhan antarabangsa di Malaysia serta NGO tempatan dan antarabangsa. Majlis WDAT 2022 telah dirasmikan bersama oleh YB Menteri Kementerian Dalam Negeri dan YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran YBhg. Datuk Dr. KSU KPWKM dan lain-lain pengurusan tertinggi KPWKM, JKM dan JPW.

Tema sambutan Hari Antipemerdagangan Orang Sedunia oleh United Nations Office on Drugs and Crime bagi tahun 2022 ialah *Use and Abuse of Technology*. Tema ini memberi tumpuan kepada peranan teknologi sebagai medium yang boleh digunakan untuk menghalang pemerdagangan manusia atau disalahgunakan untuk aktiviti pemerdagangan manusia.

Objektif sambutan Hari Antipemerdagangan Orang peringkat Kebangsaan bagi tahun 2023 adalah untuk:

- (i) meningkatkan kesedaran mengenai peranan KPWKM dalam penjagaan dan perlindungan mangsa pemerdagangan orang, dan NSO MAPO, KDN dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran secara bersepadu di peringkat kerjasama dan antarabangsa;
- (ii) memberi sokongan kepada mangsa pemerdagangan orang agar mereka terus berani membela diri untuk membanteras pemerdagangan orang; dan
- (iii) mengukuhkan jaringan kerjasama antara Jawatankuasa di bawah MAPO dan rakan NGO serta Kedutaan berkaitan penjagaan dan perlindungan mangsa pemerdagangan orang



Tetamu Kehormat yang hadir.



Acara gimik melepaskan burung merpati sebagai simbolik kekebasan.



Tetamu VVIP melawat gerai jualan tanaman dan hasil kraftangan daripada mangsa.



Aktiviti "personal grooming" (henna) untuk mangsa dan tetamu yang hadir.

4

Program dan Aktiviti:
**Mesyuarat Majlis Sosial
Negara Bilangan 1 Tahun
2022**

Tarikh: **28 Julai 2022**
(Khamis)

Tempat: **Bilik Mesyuarat
Utama, Aras 3, Blok MP,
Bangunan Parlimen**

Pengerusi: **YAB Dato' Sri
Ismail Sabri bin Yaakob
Perdana Menteri
Malaysia**

**Info / Berita Ringkas
mengenai Program dan
aktiviti**

majlis Sosial Negara (MSN) adalah merupakan platform utama bagi membincangkan isu-isu sosial dan menjadi badan tertinggi dalam Kerajaan untuk mencari penyelesaian terhadap isu sosial negara, membuat keputusan dasar dan menetapkan hala tuju pembangunan sosial negara. YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia telah mempengerusikan mesyuarat Majlis Sosial Negara yang pertama bagi tahun 2022 iaitu pada

28 Julai 2022 yang dihadiri oleh YB Menteri Kanan, Menteri dan Timbalan Menteri, pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi yang berportfolio sosial.

Majlis dalam mesyuarat ini telah bersetuju dengan dua (2) kertas pertimbangan iaitu:

- i) Pemerkasaan Kanak-Kanak Lepasan Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mana satu pasukan khas akan diwujudkan dengan disertai oleh agensi-agensi Kerajaan bagi menyediakan laluan khas kepada kanak-kanak lepasan institusi JKM untuk melanjutkan pelajaran baik dalam bidang kemahiran mahupun akademik. Di samping itu, syarikat-syarikat berkaitan kerajaan atau Goverment Linked Company (GLC) akan bertanggungjawab menyediakan dana pendidikan dan dana penempatan serta laluan kerjaya, manakala Yayasan Kebajikan Negara (YKN) menjadi penjamin bagi membantu kanak-kanak lepasan institusi yang tiada dokumen dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara. PERKESO dan MARA berperanan dalam menyediakan latihan serta peluang pekerjaan selepas mereka tamat pengajian; dan

- ii) Pengukuhan Agenda Pemerkaasan Wanita dan Mengarus Perdana Gender Melalui Pelantikan Gender Focal Team (GFT) di Kementerian dan Agensi dalam usaha untuk meneroka potensi wanita dalam ekonomi dan mengarus perdana gender dalam setiap perancangan, pelaksanaan dasar dan inisiatif.

Majlis turut membincangkan dua kertas makluman iaitu:

- i) Pelan Induk Kesedaran Keselamatan Siber bagi Menangani Isu Penipuan Siber; dan
- ii) Rang Undang-undang Antigangguan Seksual (RUU AGS) 2021;





BAHAGIAN HUBUNGAN ANTARABANGSA (BHA)



LAWATAN KERJA YB MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT KE DUBAI, EMIRIAH ARAB BERSATU

B Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengadakan lawatan kerja ke Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dari 19 hingga 22 Februari 2022. Tujuan lawatan kerja ini adalah untuk membina jaringan hubungan bersama pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan dengan bidang kuasa KPWKM di samping mencerna idea-idea baharu dalam menambah baik kerangka dan mengukuhkan institusi keluarga, mengarusperdanakan gender, memperkasakan wanita dan kumpulan sasar lain seperti warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan kanak-kanak berdasarkan amalan-amalan terbaik yang dilaksanakan oleh Kerajaan UAE.

Aktiviti yang telah dilaksanakan oleh delegasi KPWKM dalam lawatan kerja ini adalah seperti berikut:

- i. Kunjungan Hormat kepada Her Excellency Hessa Bint Essa Buhumaid, Menteri Pembangunan Masyarakat UAE. Pertemuan ini telah membincangkan kerjasama dalam aspek kepakaran melibatkan program-program pemerkasaan bagi golongan wanita, keluarga, warga emas, kanak-kanak dan OKU. Selain itu, pihak UAE juga bersetuju secara prinsip untuk meneruskan jalinan kerjasama melalui rundingan memorandum persefahaman dalam bidang pembangunan sosial.
- ii. Lawatan ke Ekspo 2020 Dubai bagi menjana idea untuk Malaysia mempromosi dan mengetengahkan tema wanita,

- keluarga atau OKU di dalam salah satu minggu yang bakal dianjurkan semasa Expo Osaka pada tahun 2025.
- iii. Perbincangan dengan Universiti Zayed untuk mempelajari model akademik berdasarkan outcome-based dan direkabentuk sebagai persediaan pelajar memasuki pasaran buruh. Universiti ini memberi fokus kepada pelajar wanita, dan OKU dengan menyediakan pembelajaran secara inklusif yang boleh ditanda aras oleh Malaysia.
- iv. Lawatan Penanda Aras ke Dubai Autism Center (DAC) untuk mempelajari amalan terbaik dari segi model pengurusannya yang berdasarkan "komuniti kepada komuniti" tanpa sebarang dana pemula daripada kerajaan dan kerjasama mengenai kepakaran dalam bidang penjagaan kanak-kanak autisme.



Lawatan ke Pavilion Malaysia, Ekspo Dubai 2022.



Sesi pertemuan di Universiti Zayed yang disambut oleh Prof. Clayton MacKenzie.



Lawatan Penanda Aras ke Dubai Autism Center (DAC).

KUNJUNGAN HORMAT PIHAK LUAR KE KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT PADA TAHUN 2022

KPWKM sentiasa mengalu-alukan kunjungan daripada kedutaan luar dan pihak berkepentingan untuk mengeratkan jalinan hubungan, bertukar pandangan dan berkongsi pengalaman serta membincangkan kerjasama yang boleh diwujudkan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar KPWKM. Terdapat 8 kunjungan hormat yang diterima dan dibuat bagi tahun 2022 iaitu:

- i. Kunjungan hormat YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ke atas Her Excellency Hessa Bint Essa Buhumaid, Menteri Pembangunan Masyarakat UAE pada 20 Feb 2022 di Dubai, UAE;
- ii. Kunjungan hormat *Helsinki International Schools Group*

(HEI SCHOOLS) ke atas Setiausaha Bahagian Hubungan Antarabangsa, KPWKM, 21 Jun 2022;

- iii. Kunjungan Hormat daripada Ms. Rina Amiri, U.S. Special Envoy for Afghan Women, Girls and Human Rights ke atas YBrs. Encik Chua Choon Hwa Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), KPWKM, 30 Ogos 2022;
- iv. Kunjungan Hormat daripada Ms. Sara Minkara, Special Advisor on International Disability Rights, U.S. Department of State ke atas YBrs. Encik Chua Choon Hwa, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), KPWKM, 13 September 2022;

- v. Kunjungan Hormat daripada Ms. Christine Clarke, Australia's Ambassador for Women and Girls ke atas YBhg. Datuk Dr. Maziah Binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, 8 November 2022;
- vi. Kunjungan Hormat daripada Dr. Rory Truell, Secretary-General, *International Federation of Social Workers (IFSW)* ke atas YBrs. Encik Chua Choon Hwa Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWKM, 16 November 2022;
- vii. Kunjungan Hormat daripada TYT Ali Asghar Mohammadi *Ambassador of the Islamic Republic of Iran* ke atas YBhg. Datuk Dr. Maziah Binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, 2 Disember 2022;
- viii. Kunjungan Hormat daripada *Institute For the Defence of Children's Rights (INDDICA)*, Timor Leste pada 16 Disember 2022.

Kunjungan Hormat daripada
TYT Ali Asghar Mohammadi
*Ambassador of the Islamic
Republic of Iran.*



Kunjungan Hormat daripada
Ms. Christine Clarke, Australia's
*Ambassador for Women and
Girls.*





Kunjungan Hormat daripada Puan Rina Amiri, US Special Envoy for Afghan Women, Girls, And Human Rights.



Kunjungan Hormat daripada Dr. Rory Truell, Secretary-General, International Federation of Social Workers (IFSW).



Kunjungan Hormat daripada Institute For The Defence Of Children's Rights (INDDICA), Timor Leste.

PENYERTAAN KPWKM DI 66TH SESSION OF THE COMMISSION ON THE STATUS OF WOMEN



**Malaysia
yang juga
merupakan
salah satu
negara
anggota
dalam CSW
untuk tempoh
2019 – 2023**



Commission on the Status of Women (CSW) merupakan badan antara kerajaan global yang ditubuhkan secara eksklusif untuk mempromosikan kesaksamaan gender dan pemerksaan wanita di bawah Majlis Ekonomi dan Sosial (ECOSOC), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). CSW diberi mandat untuk membuat pelaporan serta mengesyorkan cadangan penambahbaikan kepada ECOSOC berkaitan perlindungan hak wanita dan mempromosikan hak wanita dalam bidang politik, ekonomi, sivil, sosial dan pendidikan.

Delegasi Malaysia yang diketuai oleh YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff telah menghadiri *66th Session of the Commission on the Status of Women* (CSW66) yang bertemakan 'Mencapai kesaksamaan gender dan pemerksaan semua wanita dan kanak-kanak perempuan dalam konteks perubahan iklim, pengurusan alam sekitar serta program dan dasar berkaitan pengurangan risiko bencana'. Malaysia yang juga merupakan salah satu negara anggota dalam CSW untuk tempoh 2019 – 2023 merupakan negara yang aktif dalam menyatakan pendirian semasa sesi *interactive dialogue* dan dalam acara sampingan CSW66.



Delegasi KPWKM di CSW66 diketuai oleh YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM.



Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM sedang menyampaikan kenyataan negara semasa sesi General Discussions of CSW66.



Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM semasa menyampaikan kenyataan Malaysia berkenaan Agreed Conclusions of CSW semasa sesi penutupan CSW66.

PENYERTAAN KPWKM DI 2022 GLOBAL SUMMIT OF WOMEN

“

**YB Menteri
juga telah
berpeluang
mengadakan
pertemuan
dua hala
bersama Naib
Presiden
Republik
Sosialis
Vietnam.**

”

The Global Summit of Women (GSW) ialah acara tahunan yang menghimpunkan pemimpin-pemimpin wanita daripada pelbagai sektor seperti kerajaan, perniagaan dan swasta. Hampir setiap tahun, pengajur Sidang Kemuncak telah menjemput Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia untuk menghadiri Sidang Kemuncak ini dan membentangkan inisiatif terbaru Kementerian berkaitan kepimpinan wanita dan pemerksaan ekonomi semasa sesi Meja Bulat Menteri.

Tema untuk GSW2022 ialah "Wanita: Mencipta Peluang dalam Realiti Baharu" dan seramai 625 delegasi daripada 52 buah negara telah menghadirinya. Semasa sesi Meja Bulat Menteri, YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah membentangkan mengenai Program Wanita Bangkit yang merupakan inisiatif pemerksaan ekonomi wanita melalui dana permulaan perniagaan, bimbingan asas perniagaan dan penyediaan peluang pekerjaan.

Di kesempatan menghadiri Sidang Kemuncak tersebut, YB Menteri juga telah berpeluang mengadakan pertemuan dua hala bersama Naib Presiden Republik Sosialis Vietnam untuk membincangkan mengenai inisiatif semasa Malaysia dan Vietnam berkaitan pembangunan ekonomi wanita.



Delegasi KPWKM ke GSU2022 diketuai oleh Menteri KPWKM



Menteri KPWKM bersama barisan menteri daripada negara lain semasa sesi meja bulat menteri.



Menteri KPWKM bersama Naib Presiden Republik Sosialis Vietnam semasa mesyuarat dua hala Malaysia dan Vietnam.

UNIT ASEAN

24TH ASEAN COMMISSION ON THE PROMOTION AND PROTECTION OF THE RIGHTS OF WOMEN AND CHILDREN (ACWC), 18 APRIL 2022



Malaysia seterusnya berkongsi lebih lanjut mengenai usaha-usaha lain yang sedang dilaksanakan seperti akses kepada perlindungan



mesyuarat ACWC merupakan mesyuarat berkala yang diadakan dua kali setahun melibatkan wakil ACWC (Hak Wanita dan Kanak-kanak) dari setiap Negara Anggota ASEAN (*ASEAN Member States - AMS*). Tujuan utama mesyuarat ini adalah bagi membincangkan isu-isu melibatkan perlindungan dan pembangunan hak wanita serta kanak-kanak dalam konteks ASEAN.

Kenyataan negara yang disampaikan oleh YBrs. Dr. Hishamuddin bin Mohd Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) menyentuh mengenai usaha berterusan Malaysia untuk menghapuskan keganasan terhadap wanita, penghasilan Akta Anti Gangguan Seksual yang dijangka akan diluluskan pada akhir tahun 2022 dan pelaksanaan program sukarelawan untuk menangani keganasan terhadap wanita yang telah dimulakan pada Oktober 2021.

Malaysia seterusnya berkongsi lebih lanjut mengenai usaha-usaha lain yang sedang dilaksanakan seperti akses kepada perlindungan, sokongan emosi dan perkhidmatan kaunseling melalui Talian Kasih 15999, *Helpline Family Care@LPPKN* dan platform media sosial.

Mesyuarat turut membincangkan mengenai cara-cara untuk meningkatkan pelaksanaan inisiatif dalam Pelan Kerja ACWC 2021-2025 dan tumpuan telah diberikan terhadap usaha untuk mengenal pasti sokongan yang diperlukan untuk melancarkan *Regional Plan of Action for the Protection of Children from All Forms of Online Exploitation and Abuse in ASEAN* (ASEAN RPA on COEA) dan *Regional Plan of Action on Implementing the ASEAN Declaration on the Rights of Children in the Context of Migration* (ASEAN RPA on CCM).



yBrs. Dr. Hishamuddin bin Hashim sebagai Ketua Delegasi Malaysia bagi Mesyuarat ACWC ke-24.



Ahli mesyuarat ACWC-24 dari Negara Anggota ASEAN dan Sekretariat ASEAN.

21ST ASEAN COMMITTEE ON WOMEN (ACW), 20 SEPTEMBER 2022

“

**Malaysia
telah
diiumumkan
sebagai tuan
rumah dan
pengerusi bagi
Mesyuarat
ACW ke-22
berdasarkan
konsep
penggiliran.**

”

Mesyuarat ACW adalah mesyuarat berkala yang diadakan sekali setahun bagi membincangkan dan memastikan komitmen Negara Anggota ASEAN (*ASEAN Member States – AMS*) ke arah kesaksamaan gender dan pemerkasaan wanita serta kanak-kanak perempuan untuk diambil kira dalam dasar dan program-program yang dilaksanakan.

Tema bagi Mesyuarat ACW ke-21 adalah “*Advancing the Implementation of International and Regional Frameworks on Elimination of Violence Against Women (EVAW)*”.

Antara agenda utama yang dibincangkan adalah mengenai Pengoperasian ASEAN Gender Mainstreaming Strategic Framework (AGMSF), status ASEAN Regional Plan of Action on Women, Peace and Security (ASEAN RPA on WPS) dan projek-projek berkaitan Pemerkasaan Ekonomi Wanita.

Semasa mesyuarat tersebut, Malaysia telah diumumkan sebagai tuan rumah dan pengerusi bagi Mesyuarat ACW ke-22 berdasarkan konsep penggiliran.



YBrs. Dr. Zurina binti Abdul Hamid,
Ketua Pengarah Jabatan
Pembangunan Wanita sebagai
Ketua Delegasi Malaysia bagi
Mesyuarat ACW ke-21.



H.E. Thamma Phetvixay, Naib
Presiden Kesatuan Wanita Lao PDR
mempengerusikan Mesyuarat ACW
ke-21.

25TH ASEAN COMMISSION ON THE PROMOTION AND PROTECTION OF THE RIGHTS OF WOMEN AND CHILDREN (ACWC), 22 SEPTEMBER 2022

“

**ACWC
membincangkan
isu-isu
melibatkan
perlindungan
dan
pembangunan
hak wanita serta
kanak-kanak
dalam konteks
ASEAN**

”

mesyuarat ACWC yang diadakan dua kali setahun melibatkan wakil ACWC (Hak Wanita dan Kanak-kanak) dari setiap Negara Anggota ASEAN (ASEAN Member States – AMS) turut menerima pakai tema bagi Mesyuarat ACWC iaitu “*Advancing the Implementation of International and Regional Frameworks on Elimination of Violence Against Women (EVAW)*”.

ACWC membincangkan isu-isu melibatkan perlindungan dan pembangunan hak wanita serta kanak-kanak dalam konteks ASEAN di mana secara spesifiknya membincangkan mengenai kemajuan pelaksanaan Pelan Kerja ACWC 2021-2025 dan sumbangannya terhadap kerjasama merentasi sektor serta tonggak dalam merealisasikan perkara-perkara utama yang memberi kesan kepada kehidupan wanita dan kanak-kanak. Antara lain, mesyuarat turut membincangkan peranan ACWC dalam pengarusperdanaan gender, kesaksamaan gender dan keterangkuman sosial, hak banduan wanita; pemerkaasan ekonomi wanita; pembangunan mampan; wanita, keamanan dan keselamatan (WPS); pemerdagangan orang, hak orang

kurang upaya, dan pemulihan daripada pandemik COVID-19.

ASEAN RPA on WPS turut memberi fokus bagi menggerakkan dan memajukan pelaksanaan agenda WPS demi keamanan dan keselamatan yang mampan di rantau ini. Sebagai strategi jangka panjang untuk menggalakkan pengarusperdanaan jantina di ASEAN, pelancaran AGMSF pada 27 Januari 2022 memfokuskan kepada pembinaan komitmen dan kapasiti yang lebih besar merentasi tiga tonggak Komuniti ASEAN.



YBrs. En. Satish a/l Ranggayah, Setiausaha Bahagian Hubungan Antarabangsa sebagai Ketua Delegasi Malaysia bagi Mesyuarat ACWC ke-25.

2ND ASEAN WOMEN LEADERS SUMMIT, 12 OCTOBER 2022

Bhg. Datuk Dr Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengetuai delegasi Malaysia ke mesyuarat tersebut dan Kenyataan Negara yang disampaikan menyentuh mengenai usaha memperkuuh pembangunan ekonomi usahawan wanita melalui peningkatan akses kepada pembiayaan dan aktiviti latihan kemahiran. Di samping itu, turut difokuskan mengenai kepentingan untuk menggalakkan usahawan wanita menjalankan aktiviti perniagaan secara dalam talian bagi memperluaskan pasaran.

Mesyuarat yang bertemakan “*Building A More Sustainable, Inclusive and Resilient Future: Unlocking Women’s Entrepreneurship in ASEAN*” adalah kesinambungan perbincangan serta usaha bagi mempercepatkan kesaksamaan gender serta pemerkasaan golongan wanita dan kanak-kanak perempuan di rantau ini.



Menyentuh mengenai usaha memperkuuh pembangunan ekonomi usahawan wanita melalui peningkatan akses kepada pembiayaan dan aktiviti latihan kemahiran.





YBhg. Datuk Dr Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM sebagai Ketua Delegasi Malaysia bagi Sidang Kemuncak Pemimpin Wanita ASEAN Ke-2.



Sidang Kemuncak Pemimpin Wanita ASEAN Ke-2 turut dihadiri oleh wakil dari BDPS, BHA dan JPW.

7TH ASEAN CHILDREN'S FORUM, 15-20 NOVEMBER 2022



**Forum ini
dilihat sebagai
satu wadah
untuk
meningkatkan
penglibatan
kanak-kanak**



ASEAN Children's Forum diadakan sekali pada setiap dua (2) tahun di mana ia merupakan platform bagi kanak-kanak di rantau ASEAN untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan daya tahan digital. Tema forum pada tahun 2022 adalah "*Building a Digital Resiliency for ASEAN Children*".

Forum ini telah membincangkan mengenai masalah Literasi Digital di negara masing-masing, daya tahan dan penyertaan kanak-kanak serta keselamatan digital. Perbincangan menyentuh mengenai punca-punca terhadap isu-isu berbangkit dan sumbang saran untuk mengenalpasti penyelesaian yang bernaik serta dapat digunakan dalam mengatasi ketiga-tiga masalah tersebut terutamanya dalam kalangan kanak-kanak dari sudut pandangan kerajaan, ibu bapa, masyarakat, syarikat swasta, NGO dan pihak yang terlibat.

Forum ini dilihat sebagai satu wadah untuk meningkatkan penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan, menjadi wacana untuk menyuarakan pendapat dan seterusnya mencari jalan penyelesaian bagi isu-isu yang dihadapi oleh mereka, serta mempromosikan pelaksanaan hak kanak-kanak.



Sesi Makan Malam Forum Kanak-kanak ASEAN ke-7.



Wakil Kanak-kanak dari Negara Anggota ASEAN untuk Forum Kanak-kanak ASEAN ke-7.



BAHAGIAN PEMBANGUNAN



INPUT BAHAGIAN PEMBANGUNAN LAPORAN TAHUNAN KPWKM TAHUN 2022

A. Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2022

Peruntukan Pembangunan yang diluluskan untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi tahun 2022

adalah sebanyak RM175.42 juta yang melibatkan 34 projek. Pecahan peruntukan mengikut program adalah seperti di Jadual 1 berikut:

Butiran projek	Tajuk	Peruntukan 2022 (RM)
00300	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara	16,500,100.00
00502	Rumah Pesakit Melarat	9,000,000.00
00503	Rumah Seri Kenangan	19,700,000.00
00504	Rumah Kanak-Kanak	8,000,000.00
00602	Taman Sinar Harapan	100,000.00
00704	Pembaikan/Pembesaran Institut Kebajikan Sedia Ada	15,000,000.00
00705	Kuarters Institusi Kebajikan	5,400,000.00
00800	Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri/Daerah	7,701,600.00
00900	Institut Sosial Malaysia	700,000.00
01001	Pusat Jagaan Harian Warga Tua	1,500,000.00
01100	Penyelidikan Sains Sosial	2,434,400.00
01200	Pengkomputeran KPWKM	1,500,000.00
01300	Kompleks Penyayang	24,000,000.00
03100	PPP/PFI	63,885,800.00
Jumlah		175,421,900.00

Jadual 1: Pecahan Peruntukan Tahun 2022

Kementerian telah memulangkan semula peruntukan pembangunan berjumlah RM48.92 juta melalui waran sekatan kepada MOF. Sehingga penghujung tahun 2022, prestasi perbelanjaan pembangunan adalah sebanyak 99.53%.

B. Pemantauan Program/ Projek

Bahagian Pembangunan sentiasa memantau prestasi fizikal dan prestasi perbelanjaan projek pembangunan Kementerian dari semasa ke semasa. Sebagai langkah dalam mengekalkan kecemerlangan prestasi perbelanjaan, Bahagian ini telah meneliti semula keperluan peruntukan pembangunan berdasarkan prestasi semasa pelaksanaan projek, unjuran aliran tunai

oleh Agensi Pelaksana dan kedudukan fiskal negara.

C. Lawatan Tapak oleh Pengurusan Tertinggi KPWKM

Pada tahun 2022, Bahagian ini turut menyelaras lawatan tapak Pengurusan tertinggi KPWKM termasuk YB Menteri, YB Timbalan Menteri dan Ketua Setiausaha KPWKM yang bertujuan memantau dan menyelesaikan isu-isu berbangkit. Lawatan turut melibatkan wakil daripada jabatan/agensi di bawah KPWKM serta agensi pusat seperti ICU JPM, EPU, JPM, MOF, JKR dan JKPTG. Antara projek yang dilawati adalah seperti berikut:

Bil	Projek	Tarikh	Gambar
1	Lawatan Kerja KSU ke Tapak Projek Cadangan Membina Dua Blok Bangunan Bengkel Secara Kekal di Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan Serendah, Selangor	28 Januari 2022	

Bil.	Projek	Tarikh	Gambar
2	Lawatan Kerja KSU ke Tapak Projek Pembinaan Kompleks Penyayang Kempas, Johor	6 Februari 2022 dan 16 November 2022	 
3	Lawatan Kerja KSU ke Tapak Projek Membina dan Menaiktaraf Kuarters Institusi JKM di Desa Bina Diri, Mersing, Johor	2 Jun 2022	

Bil	Projek	Tarikh	Gambar
4	Lawatan Kerja KSU ke Wisma Sego Bangunan Baru untuk Pusat Keluarga Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di Kuching, Sarawak.	7 Ogos 2022	
5	Lawatan Kerja KSU ke PAWE Johor Bahru, Johor.	16 November 2022	
6	Lawatan Kerja KSU ke Tapak Projek Menaik Taraf Rumah Seri Kenangan Johor Bahru, Johor.	16 November 2022	

D. Pencapaian Outcome Projek-projek Pembangunan di bawah KPWKM berdasarkan Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome 2022 ICU, JPM

Pada tahun 2022, sebanyak sepuluh (10) program/projek KPWKM telah dilaksanakan Kajian Penilaian Outcome yang merangkumi program/projek di bawah peruntukan pembangunan. Kajian Penilaian Outcome dilaksanakan ke atas program/projek yang telah siap dan digunakan oleh pengguna dan kumpulan sasar. Kajian ini dilaksanakan selaras dengan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 (SPA Bil. 1/2012): Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian Outcome, yang bertujuan untuk mengukur pencapaian dan

keberkesanan program/projek tersebut terhadap kumpulan sasar meliputi aspek ekonomi, sosial, politik dan alam sekitar.

Pihak ICU, JPM telah mengemukakan sepuluh (10) cadangan program/projek yang perlu dipilih untuk dilaksanakan kajian outcome. Satu Mesyuarat Penyelaras Pelaksanaan Kajian Penilaian Outcome Program/Projek KPWKM telah diadakan untuk memilih lima (5) program/projek dan Kementerian telah bersetuju dan memutuskan program/projek untuk dilaksanakan penilaian outcome tahun 2022 seperti berikut:

Bil	Projek	Jabatan/ Agensi
1	Membina dan Menaik Taraf Kuarters di Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan Serendah, Selangor.	
2	Pembinaan Semula Kuarters di Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (Kuarters TSH Tampoi, Johor).	
3	Pembelian Bangunan Bagi Kegunaan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kubang Pasu, Kedah.	JKM
4	Depoh Simpanan Keperluan Mangsa Bencana Sabah.	
5	Depoh Simpanan Keperluan Mangsa Bencana Sarawak.	

Bagi memastikan jabatan/agensi melaksanakan Kajian Penilaian Outcome dengan komprehensif, Bengkel Kajian Penilaian Outcome Program/

Projek Pembangunan KPWKM telah diadakan pada 26 hingga 27 September 2022 di Hotel Ibis, Melaka.



BAHAGIAN KEWANGAN

ANALYSIS 3





BAHAGIAN : BAHAGIAN KEWANGAN, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)

1. Pengenalan

Bahagian Kewangan merupakan Bahagian yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan khususnya Peruntukan Mengurus dan perolehan serta sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) Kementerian. Bahagian Kewangan terdiri daripada tiga (3) unit utama iaitu Unit Bajet, Unit Perolehan dan Unit Akaun dan Bayaran

2. Fungsi utama :

- Menguruskan semua hal ehwal Peruntukan Mengurus KPWKM mengikut peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa.
- Menguruskan perolehan Kementerian dan Jabatan (melebihi RM500,000.00) di bawah Peruntukan Mengurus dan Peruntukan Pembangunan.
- Menguruskan segala urusan pembayaran dan penyelenggaraan akaun serta terimaan hasil di peringkat PTJ Kementerian.
- Urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) dan Lembaga Perolehan KPWKM.

- Memberi khidmat nasihat mengenai pengurusan kewangan dan perolehan.

3. Pencapaian 2022 :

Pengurusan Peruntukan Mengurus

Unit Bajet bertanggungjawab menguruskan semua hal ehwal Peruntukan Mengurus berdasarkan peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa. Prestasi keseluruhan Perbelanjaan Mengurus KPWKM pada tahun 2022 adalah sebanyak 99.47% iaitu RM2,475,538,724.70 berbanding peruntukan sebanyak RM2,501,876,600.00.

Prestasi Perbelanjaan Berdasarkan Kementerian/Jabatan/Agenzi bagi Tahun 2022

Kementerian/ Jabatan/ Agenzi	Peruntukan Dikemaskini (RM)	Perbelanjaan (RM)	Prestasi (%)
KPWKM	57,280,738.00	50,045,595.72	87.37%
JKM	2,341,974,700.00	2,324,066,187.52	99.24%
JPW	21,202,200.00	20,343,783.23	95.95%
ISM	9,366,862.00	9,031,058.23	96.41%
LPPKN	61,754,600.00	61,754,600.00	100%
YKN	10,200,000.00	10,200,000.00	100%
LKM	97,500.00	97,500.00	100%
Jumlah	2,501,876,600.00	2,475,538,724.70	98.95%

Pengurusan Perolehan

Unit Perolehan bertanggungjawab memastikan pengurusan perolehan dilaksanakan dengan cekap berpandukan kepada peraturan kewangan dan tatacara perolehan yang berkuat kuasa. Secara keseluruhan bagi tahun 2022, prestasi

penggunaan Sistem ePerolehan dalam Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan adalah sebanyak 101.39% yang melibatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM107,117,252.79 berbanding peruntukan sebanyak RM105,738,100.00.

Prestasi Perbelanjaan Berdasarkan Kementerian/Jabatan/Agenzi bagi Tahun 2022

Jumlah Transaksi	Nilai Transaksi (RM)	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan eP (%)
13,949	107,117,252.79	105,738,100.00	101.39

Pada tahun 2022, Kementerian telah mengurus dan melaksanakan sebanyak 20 perolehan yang terdiri daripada satu (1) perolehan melalui Tender (5%), enam (6) perolehan melalui Sebut Harga (30%), 10 perolehan melalui Rundingan Terus (50%) dan tiga (3) perolehan melalui Perkhidmatan Perunding (15%). Manakala sebanyak 365 Pesanan Kerajaan telah diproses melalui Sistem ePerolehan.

Pengurusan Kewangan (Prestasi Pembayaran)

Unit Akaun dan Bayaran bertanggungjawab memproses bayaran di peringkat PTJ Kementerian. Semua bayaran bil dan tuntutan disempurnakan dalam tempoh 14 hari seperti mana yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan 103 (a). Pada tahun 2022, jumlah keseluruhan bil yang diproses adalah sebanyak 2,873 dengan nilai keseluruhan berjumlah RM189,185.35. Prestasi pembayaran bil bagi tempoh empat belas (14) hari adalah 100% manakala prestasi bayaran yang disempurnakan dalam tempoh 7 hari adalah 99.41%.

Pusat Tanggungjawab (PTJ)	Jumlah Keseluruhan Bil 2021						
	≤ 7 hari		8-14 hari		> 14 hari		Jumlah Keseluruhan
	Bil	Peratus (%)	Bil	Peratus (%)	Bil	Peratus (%)	Bil
Ibu Pejabat KPWKM	2856	99.41	17	0.59	0	0	2873



A blurred background image of a person's hands resting on a laptop keyboard, suggesting a professional or technical environment.

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA



VISI

- Untuk menjadi organisasi terbaik dalam pembangunan sumber manusia yang berkualiti, berkemahiran dan kompeten serta berintegriti bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab ke arah mencapai objektif organisasi.

MISI

- Untuk mempastikan perancangan, pengurusan dan pembangunan sumber manusia dapat dilaksanakan dengan berkesan bagi menentukan organisasi mempunyai sumber manusia yang berkualiti, berkemahiran dan kompeten serta berintegriti bagi mencapai objektif organisasi.

OBJEKTIF

- Untuk menghasilkan anggota kerja yang berkualiti, berkemahiran dan kompeten serta berintegriti melalui perancangan pengurusan dan pembangunan sumber manusia secara cekap dan berkesan ke arah mencapai objektif organisasi.

FUNGSI BAHAGIAN

- Menguruskan hal-hal perkhidmatan pegawai dan kakitangan seperti pengesahan pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, pemberian taraf berpencen, penempatan pegawai, penyelenggaraan cuti dan buku perkhidmatan, urusan elaun, saraan dan kemudahan perubatan, permohonan ke luar negara bagi urusan persendirian serta persaraan.
- Menguruskan hal-hal berkaitan perjawatan Kementerian dan agensi seperti permohonan jawatan (baru/tambah/ naik taraf/ pinda atau

- mansuh) dan urusan penstrukturuan/pengukuhan semula organisasi.
- Menyelaras urusan aktiviti pelaksanaan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) di peringkat Kementerian dan agensi.
 - Menyediakan perancangan dan mengendalikan program latihan dalaman dan luaran Kementerian.
 - Menguruskan perkara-perkara berkaitan pengurusan prestasi bagi pegawai dan kakitangan Kementerian dan agensi seperti Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT), pemangkuhan dan kenaikan pangkat, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) serta pengiktirafan Bintang, Pingat, Darjah Kebesaran Persekutuan dan Negeri.
 - Merancang, mengurus, melaksana dan menyelaras perkhidmatan psikologi dan kaunseling di Kementerian dan agensi termasuk Program Pementoran dan Program Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB).

MAKLUMAT PERJAWATAN TAHUN 2022

	Jawatan	Isi	Kosong
KPWKM	356	283	73
JKM	7,078	6,601	477
LPPKN	1,115	909	206
JPW	265	237	28
ISM	93	72	21
KESELURUHAN	8,907	8,102	805

RINGKASAN JUMLAH PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2021

Jabatan	Penyertaan
KPWKM	22
JKM	523
LPPKN	73
JPW	18
ISM	6
KESELURUHAN	642

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang merupakan penghargaan Kerajaan melalui Kementerian kepada Warga KPWKM yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang di samping pengiktirafan terhadap perkhidmatan yang bermutu tinggi berdasarkan prestasi tahunan Warga KPWKM.

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

20 JUN 2022
THE EVERLY HOTEL, PUTRAJAYA



Gambar sekitar Majlis APC Tahun 2021.



Puan Shaidatul Azwa binti Sulaiman menerima Sijil APC daripada tetamu kehormat.



Senyuman manis para penerima APC yang diraikan.



Gambar sekitar Majlis APC Tahun 2021.

PROGRAM LATIHAN KPWKM TAHUN 2022

Jabatan	Program Latihan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	36
Bahagian Kewangan	3
Bahagian Akaun	2
Bahagian Khidmat Pengurusan	5
Bahagian Pembangunan	5
Bahagian Pengurusan Maklumat	7
Bahagian Dasar Dan Perancangan Starategik	1
Bahagian Kolaborasi Strategik	1
Bahagian Hubungan Antarabangsa	2
Unit Komunikasi Korporat	3
Unit Integriti	10
Unit Audit Dalam	2
KESELURUHAN	77

Sebanyak 77 program latihan telah dilaksanakan oleh Bahagian/Unit di KPWKM melalui peruntukan di bawah Pelan Operasi Latihan KPWKM Tahun 2022 berjumlah RM245,000.00

PROGRAM PEMANTAPAN KERJA BERPASUKAN MPT KPWKM TAHUN 2022:

INSPIRED LEADERS@KPWKM

5-7 NOVEMBER 2022

TASIK VILLA PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN



Gambar-gambar sekitar slot Explorace MPT.

Inspired Leaders@KPWKM merupakan Program Pemantapan Kerja Berpasukan yang melibatkan MPT KPWKM bertujuan untuk memperkasakan hubungan kerjasama di antara pegawai-pegawai Pengurusan Tertinggi bagi

merealisasikan agenda utama negara, di samping dapat meningkatkan nilai kepimpinan dan semangat kerja berpasukan ke arah budaya kerja berprestasi tinggi yang cemerlang bagi mendukung visi dan misi KPWKM.



Gambar Kenangan selepas sesi perkongsian bersama Shell Malaysia.



Penyampaian Cenderamata kepada YBrs. Encik Shairan Huzani Husain, Pengarah Urusan Shell Malaysia Trading Sdn. Bhd. dan Shell Timur Sdn. Bhd.



Gambar Kumpulan Real Heroes semasa slot Energizer MPT.



Gambar Kumpulan Mantul semasa slot Energizer MPT



Gambar Kumpulan Phewit semasa slot Energizer MPT.



Gambar Kumpulan Kucing semasa slot Energizer MPT.

PROGRAM PEMANTAPAN KERJA BERPASUKAN MPT KPWKM TAHUN 2022:

INSPIRED TEAM@KPWKM

24 NOVEMBER 2022
DEWAN NUR, KPWKM



Inspired Team@KPWKM merupakan Program Pemantapan Kerja Berpasukan yang melibatkan warga kerja KPWKM bertujuan untuk mengukuhkan penghayatan nilai-nilai murni dalam

kebersamaan kerja berpasukan dan meningkatkan motivasi, keyakinan dan iltizam diri dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN



PELAKSANAAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Pelaksanaan dan pembudayaan EKSA di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada tahun 2022 masih diteruskan bagi menambahbaik persekitaran tempat kerja supaya sentiasa kemas, selesa dan selamat. Selain itu amalan EKSA juga dapat meningkatkan imej korporat KPWKM selain mewujudkan budaya kerja yang ceria, efektif dan inovatif.

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan bagi meneruskan pembudayaan EKSA dan menjaya Pensijilan Semula EKSA di KPWKM antaranya ialah mengadakan gotong-royong pada setiap hari Jumaat dan mengadakan pertandingan amalan terbaik EKSA di antara zon. Antara pemenang amalan EKSA terbaik adalah seperti berikut:

- a) Zon Terbaik – Zon Rose (Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)
- b) Bilik Terbaik – Encik Noor Hishamuddin Shah bin Mohamad Shafiee
- c) Ruang Kerja Terbaik – Cik Noorsuhaili binti Sanawi
- d) Kreativiti Terbaik – Zon Iris (Pusat Sumber)
- e) Tandas Terbaik - Zon Rose (Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)

KPWKM telah berjaya mendapat Pensijilan EKSA kali kedua pada bulan Disember 2022. Pensijilan kali kedua ini adalah bagi tempoh 15 Disember 2022 hingga 14 Disember 2024



Bilik Terbaik – Encik Noor Hishamuddin Shah bin Mohamad Shafiee



Zon Terbaik – Zon Rose (Bahagian Pengurusan Sumber Manusia).



Kreativiti Terbaik – Zon Iris (Pusat Sumber)



Ruang Kerja Terbaik
– Cik Noorsuhaili binti Sanawi.



Tandas Terbaik - Zon Rose (Bahagian Pengurusan Sumber Manusia).

SIJIL EKSA
KPWKM.



The background of the image is a soft-focus photograph of a person's hands holding a smartphone. The hands are positioned as if the person is interacting with the device. The background has a warm, slightly orange and yellow tint.

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT



PIAGAM PROJEK



BENGKEL SIRI 1 : ANALISIS

29-30 Ogos 2022



BENGKEL SIRI 2 : STRATEGI

29-30 Sept 2022




BENGKEL SIRI 3 : FORMULASI

22-24 Nov 2022



BENGKEL SIRI 4 : PENULISAN


23-24 Feb 2023



SESI KICK OFF KHIDMAT PERUNDINGAN

28 OGOS 2022





SESI KICK-OFF PEMBANGUNAN PROJEK PSP KPWKM DAN AGENSI

29 OGOS 2022



BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN KPWKM DAN AGENSI

SIRI 1 : ANALISA PERSEKITARAN SEMASA

29 - 30 OGOS 2022



BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN KPWKM DAN AGENSI

SIRI 2 : HALA TUJU STRATEGIK ICT
29 - 30 SEPTEMBER 2022



BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN KPWKM DAN AGENSI

SIRI 3 : PELAN PELAKSAAN 22 – 24 NOVEMBER 2022



BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN KPWKM DAN AGENSI

SIRI 4 : PENULISAN DOKUMENTASI
23 – 24 FEBRUARI 2023



DOKUMENTASI PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN KPWKM DAN AGENSI



ICT Pemacu Pendigitalan Ke Arah Transformasi
Penyampaian Perkhidmatan



Memantapkan Penyampaian Perkhidmatan Digital kepada pembangunan masyarakat yang sejahtera melalui inovasi sosial dan kebaikan masyarakat.

TERAS STRATEGIK ICT



T1

Pemerksaan dan pemantapan perkhidmatan digital bersepadu



T2

Pemanfaatan infrastruktur digital berdasarkan teknologi terkini dan selamat



T3

Pemanfaatan tadbir urus digital yang komprehensif dan dinamik



T4

Pemanfaatan kompetensi dan pembudayaan ict yang komprehensif

Teras 1

Memperkuuh
institusi
kekeluargaan

Teras 2

Memperkasa
wanita

Teras 3

Melindungi dan
membangun
kanak-kanak

TERAS STRATEGIK KPWKM

Teras 4

Memantapkan
persekitaran kondusif
warga emas

Teras 5

Memperkasa orang
kurang upaya (oku)

Teras 6

Meningkatkan
kemandirian
kumpulan khusus

Teras 7

Meningkatkan
keterlihatan negara
di peringkat
antarabangsa

Teras 8

Meningkatkan
kecekapan dan
keberkesanan
penyampaian
perkhidmatan

PENJARAHAN PELAN STRATEGIK KPWKM DAN PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN KPWKM DAN AGENSI

TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN KPWKM



T1: Pemerkasaan
dan pemantapan
perkhidmatan
digital bersepadu



T2: Pemantapan
infrastruktur
digital
berdasarkan
teknologi terkini
dan selamat

RUMUSAN

**T1**

Pemerkasaan dan pemantapan perkhidmatan digital bersepadu

5

strategi

18

program

100

kpi

**T2**

Pemantapan infrastruktur digital berdasarkan teknologi terkini dan selamat

5

strategi

15

program

64

kpi

**T3**

Pemantapan tadbir urus digital yang komprehensif dan dinamik

3

strategi

8

program

25

kpi

**T4**

Pemantapan kompetensi dan pembudayaan ict yang komprehensif

3


strategi

7

program

24


kpi



**PELAN STRATEGIK
PENDIGITALAN
KPWKM DAN
AGENSI**

A close-up photograph of a black electronic calculator. The visible keys include a division key (÷), a plus key (+), a minus key (-), a multiplication key (×), a decimal point (.), a number 3, and a date display showing 28 31. The calculator has a dark, textured surface.


BAHAGIAN AKAUN



Bahagian Akaun bertanggungjawab memastikan operasi kewangan dan akaun yang dilaksanakan oleh PTJ diperakaunkan dengan teratur. Sepanjang tahun 2022, Bahagian Akaun telah memproses sejumlah dokumen seperti berikut:

Bil.	Fungsi	Jumlah
a.	Menyelenggara dan memantau urusniaga bank utama dengan Pejabat Perakaunan.	12 pernyata
b.	Memproses permohonan bayaran balik hasil.	16 permohonan
c.	Memproses permohonan pinjaman komputer dan pelbagai pendahuluan.	46 permohonan
d.	Memproses permohonan pendahuluan diri bertugas rasmi dalam dan luar negeri.	22 permohonan
e.	Menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (Peringkat Kementerian).	12 laporan

Bagi tahun 2022, sejumlah RM409,845,582.03 pembayaran telah diproses melibatkan 190,851 transaksi yang diproses melalui Electronic Fund Transfer (EFT). Pecahan keseluruhan pembayaran adalah seperti berikut:



Pada tahun 2022, Bahagian Akaun telah melaksanakan naziran aset dan belanja ke atas 8 PTJ berdasarkan skop yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Objektif naziran adalah bagi menilai serta mengenal pasti isu dan masalah yang mungkin berlaku dalam melaksanakan proses perolehan aset dan bayaran sepanjang tahun 2022. Senarai 8 PTJ adalah seperti berikut:

- 1) Bahagian Kewangan KPWKM.
- 2) Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat
- 3) Ibu Pejabat Jabatan

- 4) Institut Sosial Malaysia
- 5) Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- 6) Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya.
- 7) Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi.
- 8) Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah, Cheras.

Pada tahun 2022, Bahagian Akaun telah menganjurkan empat (4) siri latihan berkaitan kewangan dan perakaunan.

Kursus yang diadakan melibatkan seramai 17 orang peserta daripada 9 PTJ Kementerian. Tujuan kursus adalah bagi memberi pendedahan yang mendalam berkaitan tatacara pengurusan akaun amanah. Pegawai yang terlibat adalah seperti yang telah ditetapkan oleh Bahagian Akaun KPWKM dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Penceramah terdiri daripada pegawai Bahagian Akaun KPWKM.



KURSUS iGFMAS SIRI 1 TAHUN 2022

**TATACARA
PENGURUSAN
PERAKAUNAN
AMANAH/KUMPULAN
WANG AMANAH &
PENGURUSAN
PINJAMAN DAN
PENDAHULUAN
KERAJAAN**

Tarikh : 16 Februari 2022
(Rabu)
Medium : Secara Atas
Talian

**KURSUS iGFMAS SIRI 2
TAHUN 2022**

**REFRESHER SISTEM
myCOST – PTJ BASED
COSTING**

Tarikh : 27-28 Julai 2022
(Rabu-Khamis)

Tempat: Makmal
Komputer Aras 33,
KPWKM

Kursus yang diadakan melibatkan seramai 8 orang peserta daripada 5 PTJ Kementerian. Tujuan kursus adalah bagi memberi pendedahan berkaitan tatacara mengunci masuk output sehingga proses akhir didalam sistem MyCost di mana melibatkan pegawai yang mengendalikan sistem MyCost di PTJ. Penceramah terdiri daripada pegawai-pegawai Bahagian Akaun KPWKM



**KURSUS iGFMAS SIRI 3
TAHUN 2022**

PERAKAUNAN ASET

Tarikh : 6-7 September
2022 (Selasa-Rabu)

Tempat: Makmal
Komputer Aras 33,
KPWKM

Kursus yang diadakan melibatkan seramai 29 orang peserta daripada 8 PTJ Kementerian. Tujuan kursus adalah bagi memberi pendedahan dan latih amal secara intensif berkaitan tatacara untuk memperakaunkan aset kepada semua pegawai yang melaksanakan pengurusan kewangan dan aset di PTJ. Penceramah terdiri daripada pegawai-pegawai daripda Jabatan Kesihatan Negeri Perak dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Wilayah Persekutuan.



Kursus yang diadakan melibatkan seramai 11 orang peserta daripada 5 PTJ Kementerian. Tujuan kursus adalah bagi memberi penerangan yang lebih jelas berkaitan sistem MyCost – PTJ-Based Costing (MyCost-PBC) iaitu sub-modul yang melaksanakan pengkosan berdasarkan KPTJ/PTJ terhadap output dalam mengukur kecekapan KPTJ/ PTJ (Organisasi). Selain itu, ia juga adalah bertujuan menyemak dan mengemaskini Kamus MyCost yang telah disediakan oleh PTJ adalah selaras dengan fungsi utama dan keperluan Outcome-Based Budgeting (OBB). Penceramah terdiri daripada pegawai-pegawai Bahagian Akaun KPWKM.



KURSUS iGFMAS SIRI 4 TAHUN 2022

PEMURNIAN PENYEDIAAN KAMUS SISTEM mycost

Tarikh : 17-18 Oktober 2022
(Isnin-Selasa)

Tempat : Bilik Mesyuarat
Bahagian Pembangunan
Aras 32, KPWKM

BAHAGIAN KOLABORASI STRATEGIK





LAPORAN PENCAPAIAN 2022

UNIT KPI, BAHAGIAN KOLABORASI STRATEGIK

Program dan Aktiviti : Keurus setiaan Mesyuarat KPWKM

Tarikh : Januari – Disember 2021

Tempat : -

1 Perasmian : -

Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti :

1. Mesyuarat Pasca Kabinet di pengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; dan
2. Mesyuarat Sesi *Morning Prayer* Bersama Ketua Setiausaha KPWKM.





LAPORAN PENCAPAIAN 2022

BAHAGIAN KOLABORASI STRATEGIK

Program dan Aktiviti : Mesyuarat Kolaborasi KPWKM Dengan Agensi Kerajaan/Syarikat Swasta/Korporat/NGO Tahun 2022

Tarikh : Januari – Disember 2021

Tempat :-

Perasmian :-

Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti :

1. Mesyuarat Kolaborasi KPWKM Dengan Agro Bank;
2. Mesyuarat Kolaborasi KPWKM Dengan Air Asia Academy;
3. Mesyuarat Kolaborasi KPWKM Dengan Blue Ribbon Care;
4. Mesyuarat Kolaborasi KPWKM Dengan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM);
5. Mesyuarat Kolaborasi KPWKM Dengan Kemahidupan Sdn. Bhd.;
6. Mesyuarat Kolaborasi KPWKM Dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar;
7. Mesyuarat Kolaborasi KPWKM Dengan Maxis Berhad;
8. Mesyuarat Kolaborasi KPWKM Dengan Pharmaniaga Berhad;
9. Mesyuarat Kolaborasi KPWKM Dengan Telekom Malaysia;
10. Mesyuarat Pengurusan Sistem My Corporate Care.

Mesyuarat Kolaborasi bersama Agensi Kerajaan/Syarikat Swasta/Korporat/NGO diadakan bertujuan untuk mendengar pembentangan cadangan program dan inisiatif oleh Agensi Kerajaan/Syarikat Swasta/Korporat/NGO yang bersesuaian dan memberi manfaat kepada kumpulan sasar KPWKM.

Mesyuarat Kolaborasi KPWKM Dengan Agro Bank



Mesyuarat Kolaborasi KPWKM Dengan Air Asia Academy



Mesyuarat Kolaborasi KPWKM Dengan Blue Ribbon Care.**Mesyuarat Kolaborasi KPWKM Dengan FAM**

Mesyuarat Kolaborasi KPWKM Dengan Syarikat Kemaih Sdn.Bhd.



Mesyuarat Kolaborasi KPWKM Dengan KPLB.



Mesyuarat Kolaborasi KPWKM Dengan MAXIS Bhd.



Mesyuarat Kolaborasi KPWKM Dengan Pharmaniaga Berhad.



Mesyuarat Kolaborasi KPWKM Dengan Telekom Malaysia (TM).



Mesyuarat Pengurusan Sistem My Corporate Care.



LAPORAN PENCAPAIAN 2022

BAHAGIAN KOLABORASI STRATEGIK

Program dan Aktiviti : Kunjungan Hormat

Tarikh : Januari – Disember 2021

Tempat :-

Perasmian :-

Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti :

1

1. 27.05.2022 - Kunjungan Hormat YBHG. Datuk Dr. KSU ke Petrosains.
2. 19.05.2022 – Kunjungan Hormat Petronas Kepada Ketua setiausaha KPWKM.
3. 01.09.2022 - Kunjungan Hormat Kepimpinan Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) Bersama Kesatuan Pekerja-Pekerja Jabatan Kebajikan Masyarakat (KIKMAS) Kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).
4. 28.10.2022 – Kunjungan Hormat OSK Holding Berhad kepada Ketua Setiausaha KPWKM.

Kunjungan Hormat Ketua Setiausaha KPWKM ke Menara Kembar Petronas.



**Kunjungan Hormat
Petronas Ke KPWKM.**



Kunjungan Hormat CUEPAC dan KIKMAS ke KPWKM.





Kunjungan Hormat OSK Holding Berhad
kepada Ketua Setiausaha KPWKM.





LAPORAN PENCAPAIAN 2022

BAHAGIAN KOLABORASI STRATEGIK

Program dan Aktiviti : Program Kolaborasi Strategik Tahun 2022

Tarikh : Januari – Disember 2021

Tempat :-

Perasmian :-

1 Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti :

1. Laporan Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) 2022
2. 23.07.2022 - Lawatan Sambil Belajar Ke Petrosains Bersama Anak-Anak Ahli Puspanita dan KESKEB KPWKM.
3. 18.09.2022 - Program Tinjauan dan Konsultasi Kolaborasi Strategik Di Projek Organisasi Komuniti (POK), Jabatan Kebajikan Masyarakat Yang Terdapat Di Negeri Terengganu dengan Kerjasama Agro Bank

**Lawatan Sambil Belajar Ke Petrosains Bersama
Anak-Anak Ahli PUSPANITA dan KESKEB KPWKM.**







Program Tinjauan dan Konsultasi Kolaborasi Strategik Di Projek Organisasi Komuniti (POK), Jabatan Kebajikan Masyarakat Yang Terdapat Di Negeri Terengganu dengan Kerjasama Agro Bank.







LAPORAN PENCAPAIAN 2022

BAHAGIAN KOLABORASI STRATEGIK

Program dan Aktiviti : Pelaksanaan Bengkel Tahun 2022

Tarikh : Januari – Disember 2021

Tempat : -

Perasmian : -

1

Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti :

1. 06.07.2022 - Bengkel Penyelarasan Soalan dan Jawapan Parlimen.
2. 18 dan 19 Julai 2022 – Bengkel Semakan Semula Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia (NHRAP).
3. 14.11.2022 – Bengkel Penyelarasan dan Pembangunan KPI.
4. 25-08-2022 – Bengkel Garis Panduan Permohonan Kolaborasi.

Bengkel Penyelarasan Soalan dan Jawapan Parlimen.





Bengkel Semakan Semula Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia (NHRAP).



Bengkel Penyelarasan dan Pembangunan KPI.



LAPORAN PENCAPAIAN 2022

BAHAGIAN KOLABORASI STRATEGIK

Program dan Aktiviti : Program Ad-Hoc

Tarikh : Januari – Disember 2021

Tempat : -

1 Perasmian :-

Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti :

1. 08.10.2022 - Hari Sukan Negara @KPWKM.
2. 03-11.2022 - Program Kasih@SMILE KPWKM.
3. 11.11.2022 – Majlis Menelusuri Cabaran, Menggapai Impian.

Hari Sukan Negara @KPWKM.







Program Kasih@SMILE KPWKM.







KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

123

KPWKM 2022
Laporan Tahunan

Majlis Pelancaran Buku Menelusuri
Cabaran, Menggapai Impian.

UCAPAN PERASMIAN

YBHG. Datin DR. MAZIAH BINTI CHE YUSOFF

Wakil Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat





Program dan Aktiviti : Pengurusan Parlimen

Tarikh : Januari – Disember 2021

Tempat :-

Perasmian :-

Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti :

Bahagian Kolaborasi Strategik merupakan penyelarasan Parlimen KPWKM.

Pengurusan Parlimen KPWKM.







A photograph of a person's hands and arms resting on a light-colored wooden desk. The person is wearing a light blue long-sleeved shirt. In the foreground, their hands are positioned on a black computer keyboard. The background is slightly blurred, showing what appears to be a window with a grid pattern and some foliage outside.

UNIT AUDIT DALAM



LATAR BELAKANG UAD

Unit Audit Dalam (UAD), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah ditubuhkan pada 30 Januari 2001 selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1979 pada masa itu. Kini, fungsi dan tanggungjawab UAD KPWKM digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PPP) PS 3.1 - Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian atau Jabatan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri.

UAD merupakan satu fungsi bebas, bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha (KSU) KPWKM yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan meningkatkan tahap operasi Kementerian. UAD diberi kuasa menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan dan program/aktiviti Kementerian/Jabatan dan Agensi di bawahnya iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Institut Sosial Malaysia (ISM). Objektif penubuhan UAD adalah membantu Kementerian mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematis dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dalam dan tadbir urus.

Forum ini
dilihat sebagai
satu wadah
untuk
meningkatkan
penglibatan
kanak-kanak

”

VISI, MISI DAN OBJEKTIF PENUBUHAN UAD

Visi, misi dan objektif penubuhan UAD adalah seperti berikut:

- **VISI** - Untuk menjadi penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti kementerian dan agensi di bawahnya.
- **MISI** - Melaksana pengauditan secara profesional dan bebas, serta mengemukakan laporan yang seimbang kepada Ketua Setiausaha ke arah meningkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan/ kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti kementerian dan agensi di bawahnya.
- **OBJEKTIF**

Meningkatkan tahap pematuhan peraturan kewangan serta undang-undang yang berkuat kuasa di semua Pusat Tanggungjawab Kementerian dan Agensi di bawahnya;

Menentukan program dan aktiviti Kementerian dan Agensi telah diurus dengan cekap dan berkesan; dan

Menentukan keberkesanan dan kecekapan panggunaan ICT.

PIAGAM PELANGGAN UAD

Piagam Pelanggan UAD adalah:

- Menyediakan Laporan/Pemerhatian Audit yang bebas dan berobjektif.
- Mengeluarkan Laporan/Pemerhatian Audit dalam tempoh satu (1) bulan selepas pengauditan secara fizikal/dilapangan selesai dijalankan.

Semua isu Audit dibincangkan bersama auditi.



Melaksana pengauditan secara profesional dan bebas, serta mengemukakan laporan yang seimbang kepada Ketua Setiausaha ke arah meningkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan/ kecemerlangan pengurusan kewangan



PRESTASI PENGAUDITAN

Pada tahun 2022, UAD telah melaksanakan 8 jenis pengauditan di 47 Pusat Tanggung Jawab (PTJ) seperti berikut:

Bil.	Jenis Pengauditan	BIL. PTJ
1.	Pengauditan Pengurusan Kewangan dan Pemeriksaan Mengejut	6
2.	Pengauditan Pengurusan Perolehan dan Pemeriksaan Mengejut	6
3.	Penampilan Audit	18
4.	Pengauditan Prestasi	12
5.	Pengauditan Pematuhan ICT	2
6.	Pengauditan Khas	1
7.	Siasatan Audit	2

Kesemua ketidakpatuhan yang dibangkitkan oleh UAD ini telah dimaklumkan kepada Ketua PTJ untuk tindakan pembetulan dan pematuhan semasa sesi pre-exit conference, exit conference dan secara bertulis menerusi Surat Pemerhatian Audit.

UAD turut membentangkan sebanyak 275 isu utama Audit dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha / Timbalan Setiausaha, yang ahlinya terdiri daripada Ketua Agensi serta Setiausaha Bahagian KPWKM. Pada tahun 2022, Mesyuarat JKA telah diadakan sebanyak 4 kali seperti berikut:

Bil.	Mesyuarat	Tarikh Diadakan	bil. isu audit yang dibincangkan
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 4 Tahun 2021	10.01.2022	67
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 1 Tahun 2022	07.04.2022	52
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 2 Tahun 2022	25.07.2022	86
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 3 Tahun 2022	05.10.2022	70

PROGRAM DAN AKTIVITI

Pada tahun 2022, UAD turut berkongsi pengetahuan berkenaan teknik pengauditan dan isu-isu Audit yang ditemui bersama dengan pegawai UAD di Kementerian lain serta PTJ di bawah KPWKM menerusi sesi latihan dan perkongsian ilmu yang diadakan seperti berikut:

Bil.	Program / Aktiviti	Jenis Perkongsian	Tarikh
1.	Kursus Pengauditan Pematuhan ICT - Bahagian Kawalan Keuangan Strategik dan Komunikasi Perpendaharaan Malaysia	Teknik Pengauditan	10.03.2022
2.	Kursus Pengukuhan Pengurusan Kewangan Pusat Tanggungjawab - Jabatan Pembangunan Wanita	Isu Audit	29.03.2022
3.	Kursus Penemuan Audit dan Naziran - Jabatan Kebajikan Masyarakat	Isu Audit	20.10.2022
4.	Program Pengukuhan Integriti "Soal Pada Hati, Tanya Pada Diri" Zon Selatan – Unit Integriti KPWKM	Isu Audit	08.11.2022
5.	Hari Terbuka Integriti "Integriti Teras Keluarga Malaysia" 2022 – Unit Integriti KPWKM	Isu Audit	15.11.2022
6.	Program Pengukuhan Integriti "Soal Pada Hati, Tanya Pada Diri" Zon Borneo – Unit Integriti KPWKM	Isu Audit	23.11.2022

PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI
'SOAL PADA HATI, TANYA PADA DIRI' ZON SELATAN
UNIT AUDIT DALAM SEBAGAI PENCERAMAH JEMPUTAN
EN. NOOR HISHAMUDDIN SHAH BIN MOHAMAD SHAFIEE
ASRAMA AKHLAK (L) KEMPAS (8 NOVEMBER 2022)



PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI
'SOAL PADA HATI, TANYA PADA DIRI' ZON BORNEO
UNIT AUDIT DALAM SEBAGAI PENCERAMAH JEMPUTAN
PN. HAZILA BINTI AGIL
ASRAMA AKHLAK (P) TAMAN SERI PUTERI KUCHING (23 NOVEMBER 2022)



UAD turut menyediakan 2 Kursus Dalaman kepada pegawai dalam usaha untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan dalam bidang pengauditan, selain perbincangan berkenaan pencapaian aktiviti pengauditan tahun semasa seperti berikut:

Bil.	Program / Aktiviti	Tarikh	Lokasi
1.	Kursus Sistem iGFMAS	20.07.2022	KPWKM
2.	Kursus Pengauditran ePerolehan	18 - 19.10.2022	KPWKM
3.	Bengkel Unit Audit Dalam Bagi Membincangkan Pencapaian Pengauditran Tahun 2022 dan Penyediaan Rancangan Audit Serta Laporan Tahunan 2022 UAD.	9 - 11.11.2022	Melaka

KURSUS SISTEM iGFMAS
20 JULAI 2022
KPWKM



KURSUS PENGAUDITAN ePEROLEHAN
18 - 19 OKTOBER 2022
KPWKM



BENGKEL UNIT AUDIT DALAM BAGI MEMBINCANGKAN PENCAPAIAN PENGAUDITAN TAHUN
2022 DAN PENYEDIAAN RANCANGAN AUDIT SERTA LAPORAN AUDIT TAHUN 2022
9 - 11 NOVEMBER 2022
MELAKA



Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022, UAD bersama-sama Bahagian Hubungan Antarabangsa (BHA) telah mengadakan Rumah Terbuka dengan menjemput Warga

KPWKM untuk memeriahkannya. Majlis Perpisahan turut diadakan bagi meraikan 2 orang pegawai UAD yang bertukar keluar.

SAMBUTAN HARI RAYA
UNIT AUDIT DALAM DAN BAHAGIAN HUBUNGAN ANTARABANGSA
31 MEI 2022
KPWKM



MAJLIS PERPISAHAN PEGAWAI UAD
PUAN MAFLIZA ABD AZIZ, PUAN NORAZIZAH ABDUL WAHAB
DAN PUAN NOR HAFIZAH ABDUL HAMID
1 JUN 2022 DAN 20 DISEMBER 2022
PUTRAJAYA



A blurred background image of a person sitting at a desk, working on a laptop computer. The person's hands are visible on the keyboard and trackpad. The desk appears to be made of wood, and there are some papers or documents on the surface.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

“

Secara lahiriahnya, pelaporan media social ini menunjukkan kepekaan masayarakat terhadap perkhidmatan yang telah dilaksanakan sama ada di peringkat kementerian, jabatan dan agensi.

”

UKK berperanan sebagai satu unit yang menjadi mata dan telinga bagi KPWK dalam melihat keterlibatan pengurusan tertinggi untuk penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar KPWK. Selain daripada melaksanakan tugas hakiki berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan YB Menteri, YB Timbalan Menteri serta Ketua Setiausaha KPWK, UKK juga bertanggungjawab memantau media social yang utama iaitu Facebook, Instagram, twitter dan laman portal rasmi KPWK.

Secara lahiriahnya, pelaporan media social ini menunjukkan kepekaan masayarakat terhadap perkhidmatan yang telah dilaksanakan sama ada di peringkat kementerian, jabatan dan agensi.


Kerjasama Bersama NGO'S dan juga individu perseorangan juga turut menyumbang kepada pautan dan juga maklumbalas daripada masyarakat berkenaan hal-hal yang telah dipaparkan.

Berikut adalah pelaporan daripada media social rasmi KPWK yang menjadi kayu pengukur bagi penilaian laporan secara rawak serta penanda aras untuk membaiki perkhidmatan yang lebih baik dan berkesan.

LAPORAN SOSIAL MEDIA KPWKM


(1 JANUARI 2022 – 31 DISEMBER 2022)

JUMLAH PAUTAN FACEBOOK PAGE



JUMLAH PENGIKUT FACEBOOK PAGE


Umur dan Jantina



Sehingga penghujung Disember 2022, jumlah keseluruhan pengikut di Facebook Page adalah seramai.

272,417


JUMLAH TWEET DI TWITTER KPWKM



Sehingga penghujung Disember 2022, jumlah keseluruhan Tweet adalah sebanyak

1,131


JUMLAH PENGIKUT DI TWITTER KPWKM



Sehingga penghujung Disember 2022, jumlah keseluruhan pengikut di Twitter adalah seramai

3,049


JUMLAH PAUTAN DARIPADA PENGGUNA DI INSTAGRAM



Sehingga penghujung Disember 2022, jumlah keseluruhan pautan di Instagram adalah sebanyak

1,093


JUMLAH PENGIKUT DI INSTAGRAM



Sehingga penghujung Disember 2022, jumlah keseluruhan pengikut di Instagram adalah seramai

11,258

JUMLAH CAPAIAN DI INSTAGRAM KPWKM



Sehingga penghujung Disember 2022, jumlah capaian di Instagram adalah sebanyak

52,030

A close-up photograph of a person's hands resting on a laptop keyboard. The person is wearing a striped shirt and a dark wristwatch. The background is blurred.

**UNIT
INTEGRITI**



LAPORAN TAHUNAN UNIT INTEGRITI KPWKM TAHUN 2022

Unit Integriti telah melaksanakan sebanyak sepuluh (10) Program Pengukuhan Integriti secara Google Meet dan bersemuka. Program Pengukuhan Integriti dianjurkan bagi tujuan memperkenalkan amalan nilai murni, meningkatkan tahap kesedaran serta kefahaman warga KPWKM dan agensi di bawahnya mengenai pembudayaan integriti khususnya nilai – nilai murni. Perincian Program Pengukuhan Integriti adalah seperti berikut:

Bil	Program / Kursus Integriti	Tarikh
1	Program Pengukuhan Integriti (Menerusi Kaedah Google Meet) Negeri Perak dan Kedah	25 Januari 2022 (Selasa)
2	Program Pengukuhan Integriti (Menerusi Kaedah Google Meet) Negeri Pulau Pinang dan Perlis	24 Februari 2022 (Khamis)
3	Program Pengukuhan Integriti (Menerusi Kaedah Google Meet) Negeri Terengganu dan Kelantan	28 Mac 2022 (Isnin)
4	Program Pengukuhan Integriti (Menerusi Kaedah Google Meet) Negeri Sembilan dan Melaka	14 April 2022 (Khamis)
5	Program Pengukuhan Integriti (Menerusi Kaedah Google Meet) Negeri Sabah	20 Mei 2022 (Jumaat)
6	Program Pengukuhan Integriti (Menerusi Kaedah Google Meet) Kuala Lumpur dan Selangor	21 Jun 2022 (Selasa)
7	Program Pengukuhan Integriti (Menerusi Kaedah Google Meet) Ibu Pejabat (Modul Delima) – Kumpulan Sokongan	23 Jun 2022 (Khamis)
8	Program Pengukuhan Integriti (Menerusi Kaedah Google Meet) Ibu Pejabat (Modul Topaz) - Kumpulan Pengurusan dan Profesional	4 Julai 2022 (Isnin)
9	Program Pengukuhan Integriti bagi Zon Selatan (Menerusi Kaedah Bersemuka) di Asrama Akhlak (L) Kempas, Johor Bharu	8 November 2022 (Selasa)
10	Program Pengukuhan Integriti bagi Zon Sarawak (Menerusi Kaedah Bersemuka) di Taman Seri Puteri, Kuching Sarawak	23 November 2022 (Rabu)

Program Pengukuhan Integriti bagi Zon Selatan telah diadakan di Asrama Akhlak (L) Kempas, Johor Bharu pada 8 November 2022.

Program Pengukuhan Integriti bagi Zon Sarawak telah diadakan di Taman Seri Puteri, Kuching Sarawak pada 23 November 2022.

KPWKM telah melaksanakan *Anti-Bribery Management Systems* (ABMS) mulai 13 Julai 2021 dan telah memperolehi pensijilan ABMS pada 27 Disember 2021. Bagi meningkatkan pemahaman warga KPWKM dan rakan niaga mengenai pelaksanaan ABMS, sebanyak enam (6) kursus/ ABMS Virtual Learning: Jangan Minta, Tolak Dan Lapor: Fahami Anti-Bribery Management Systems (ABMS) telah dianjurkan. Perincian seperti berikut:



KPWKM telah melaksanakan Anti-Bribery Management Systems (ABMS) mulai 13 Julai 2021 dan telah memperolehi pensijilan ABMS



Bil	Program / Kursus Integriti	Tarikh
1	ABMS Virtual Learning : Jangan Minta, Tolak Dan Lapor : Fahami Anti-Bribery Management Systems (ABMS) UAD & BKS	26 Januari 2022 (Rabu)
2	ABMS Virtual Learning : Jangan Minta, Tolak Dan Lapor : Fahami Anti-Bribery Management Systems (ABMS) UKK dan BPem	25 Februari 2022 (Jumaat)
3	ABMS Virtual Learning : Jangan Minta, Tolak Dan Lapor : Fahami Anti-Bribery Management Systems (ABMS) AKAUN & PUU	29 Mac 2022 (Selasa)
4	ABMS Virtual Learning : Jangan Minta, Tolak Dan Lapor : Fahami Anti-Bribery Management Systems (ABMS) BDPS	15 April 2022 (Jumaat)
5	ABMS Virtual Learning : Jangan Minta, Tolak Dan Lapor : Fahami Anti-Bribery Management Systems (ABMS) BPM	31 Mei 2022 (Selasa)
6	ABMS Virtual Learning : Jangan Minta, Tolak Dan Lapor : Fahami Anti-Bribery Management Systems (ABMS) Bersama Rakan Niaga KPWKM	4 November 2022 (Jumaat)



Bertemakan Integriti Teras keluarga Malaysia telah diadakan pada 15 November 2023 bertempat di Dewan per (2).



Asrama Akhlak (L) Kempas Johor pada 8 November 2022 melibatkan peserta dari Zon Selatan dan Penceramah t (1).



Program ABMS Learning: Jangan Minta, Tolak Dan Lapor : Fahami Anti-Bribery Management Systems
(ABMS) Bersama Rakan Niaga KPWKM pada 4 November 2022.



Bertemakan Integriti Teras keluarga Malaysia telah diadakan pada 15 November 2023 bertempat di Dewan per (1)



bertemakan Integriti Teras keluarga Malaysia telah diadakan pada 15 November 2023 bertempat di Dewan per (3)


Program ABMS Learning: Jangan Minta, Tolak Dan Lapor : Fahami Anti-Bribery Management Systems (ABMS) Bersama Rakan Niaga KPWKM pada 4 November 2022.



Asrama Akhlak (L) Kempas Johor pada 8 November 2022 melibatkan peserta dari Zon Selatan dan Penceramah t (1).



Asrama Akhlak (L) Kempas Johor pada 8 November 2022 melibatkan peserta dari Zon Selatan dan Penceramah t (1).



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT



A PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN TAHUN 2022 PELANTIKAN SEBAGAI BADAN PENERAJU INDUSTRI (ILB)



Pengiktirafan ILB adalah mengikut kepada pencapaian ILB dalam melaksanakan peranan sebagai ILB



Jabatan Kebajikan Masyarakat telah dilantik sebagai Badan Peneraju Industri (ILB) bagi bidang Penjagaan dan Perkhidmatan Komuniti. JKM telah diiktiraf oleh Kementerian Sumber Manusia sebagai Badan Peneraju Industri atau Industry Lead Body (ILB) bagi Sektor Penjagaan dan Perkhidmatan Komuniti mulai tahun Ogos 2011 hingga kini. Pengiktirafan tersebut adalah secara dwi tahunan iaitu 2 (dua) tahun sekali.

Pengiktirafan ILB adalah mengikut kepada pencapaian ILB dalam melaksanakan peranan sebagai ILB bagi bidang yang telah dikenal pasti. Pengiktirafan JKM sebagai ILB adalah bersesuaian dengan peranan yang dilaksanakan oleh JKM sebagai organisasi pemacu dalam bidang Penjagaan dan Perkhidmatan Komuniti di Malaysia. Ia selaras dengan program yang telah digariskan di bawah Pelan Strategik (PS) JKM 2021-2025 (Teras Strategik 7, Langkah Strategik 4) iaitu pelaksanaan projek rintis **Persijilan Kemahiran Malaysia secara Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)**.



Satu majlis penyerahan sijil telah diadakan pada 28 September 2022 bertempat di Bangi Resort Hotel dan disampaikan oleh YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia.

PERTANDINGAN INOVASI DAN REKA CIPTA (IRC) 2022

Kumpulan SPS Hero daripada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Selatan telah mendapat anugerah juara reruai pameran terbaik dan juara Kategori Orang Awam dalam Pertandingan Inovasi dan Reka Cipta (IRC) 2022: Return to Work. Pertandingan anjuran PERKESO ini telah berlangsung pada 13 dan 14 Disember 2022 bertempat di Tingkat 7, Menara PERKESO Putrajaya.



Pertandingan Inovasi dan Reka Cipta (IRC) 2022.

B AKTIVITI**LAWATAN DELEGASI MONGOLIA TAHUN 2022: DI BAWAH PROJEK MEMPROMOSIKAN PENGGAJIAN ORANG KURANG UPAYA (PROJECT FOR PROMOTING EMPLOYMENT OF PERSONS WITH A DISABILITIES (DPUB2))**

Tujuan utama lawatan ini adalah bagi melihat sistem sokongan pekerjaan OKU dan sokongan atau penerimaan majikan di Malaysia



Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa (DHA) bersama Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU), JKM telah menerima kunjungan delegasi Mongolia bermula 7 hingga 11 November 2022.

Lawatan Delegasi Mongolia adalah di bawah Projek Mempromosikan Penggajian Orang Kurang Upaya (Project for Promoting Employment of Persons with a Disabilities (DPUB2). Projek ini bertujuan untuk membangunkan sistem sokongan pekerjaan bagi Orang Kurang Upaya (OKU) di Mongolia dan ianya dibangunkan berdasarkan kejayaan Projek Menyokong Penyertaan Orang Kurang Upaya (Project to Support Participation of Persons with Disabilities) di Malaysia pada tahun 2009 hingga 2015 yang lalu.

Tujuan utama lawatan ini adalah bagi melihat sistem sokongan pekerjaan OKU dan sokongan atau penerimaan majikan di Malaysia bagi memastikan OKU kekal dalam pekerjaan.



Ketua Delegasi Mongolia menandatangani buku pelawat.



Sesi bergambar Pegawai dari Bahagian DHA dan JPOKU bersama Delegasi Mongolia

PROGRAM JELAJAH KASIH KANAK-KANAK PRIHATIN RAKYAT

Tarikh : 28 Ogos 2022

Tempat : 3 Mukim Sepang: Kampung Bukit Bangkong, Balai Raya Mini RTB Labu Lanjut, Dewan Orang Ramai Kenanga Apartment

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada kanak-kanak serta kaedah advokasi yang bersesuaian kepada kanak-kanak di seluruh negara berkaitan jenayah seksual dan cara selamat dalam melayari media sosial. Program ini melibatkan penyertaan kanak-kanak, keluarga, komuniti di sekitar Mukim Sepang, Mukim Labu, Mukim Dengkil serta kakitangan institusi kanak-kanak JKM dan dirasmikan oleh YB Datuk Rina Mohd Harun Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.



KEMPEN MEMBANTERAS JENAYAH SEKSUAL DALAM TALIAN TERHADAP KANAK-KANAK

Tarikh: 4 September 2022

Tempat: Sayap Timur, IOI City Mall, Putrajaya

Program ini bertujuan membantu kanak-kanak berhadapan dengan cabaran siber pada masa ini dan membimbing kanak-kanak menggunakan media sosial dengan bijak. Program ini secara tidak langsung dapat memberi kesedaran kepada ibu bapa dan masyarakat berhubung penggunaan media sosial kepada kanak-kanak. Simbol Kaktus juga diperkenalkan sebagai perlambangan kepada kebersamaan ahli komuniti dan kerajaan dalam menangani isu jenayah seksual kanak-kanak.



Tandatangan komuniti sebagai tanda sokongan.

PERSIDANGAN MAJLIS PERWAKILAN KANAK-KANAK (MPKK)

Tarikh: 6 September 2022

Tempat: Dewan Perdana Nur, KPWKM, Putrajaya

Persidangan MPKK merupakan aktiviti yang diadakan untuk mengumpul ahli MPKK dari daerah, negeri dan peringkat kebangsaan bagi perkongsian ilmu dan pengalaman. Menerusi persidangan ini ahli MPKK dapat berkongsi hasrat dan aspirasi bersama Kementerian dan Jabatan. Ahli MPKK juga dapat membentangkan isu dan resolusi yang dicadangkan untuk diambil perhatian dan tindakan selanjutnya oleh agensi dan jabatan yang berkaitan. Peserta persidangan ini terdiri daripada 111 orang ahli MPKK negeri dari seluruh negara serta kakitangan institusi kebajikan kanak-kanak.



KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT TAHUN 2022

Tarikh : 4 hingga 5 Oktober 2022

Tempat: Bilik Teratai, Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihian (PLPP) Bangi

Konvensyen ini telah memberi peluang kepada warga JKM peringkat JKMN/PKMD/J/B dan Institusi untuk membentangkan projek/ produk inovasi yang dihasilkan dengan memilih salah satu daripada empat (4) kategori iaitu:

- a) Inovasi Sosial Penciptaan;
- b) Inovasi Sosial Penambahbaikan;

- c) Inovasi Penyampaian Perkhidmatan Penciptaan;
- d) Inovasi Penyampaian Penambahbaikan.

Konvesyen ini disertai oleh 26 kumpulan daripada 11 negeri yang telah membangunkan 26 produk inovasi seperti berikut:

Bil.	Kumpulan	Agensi	Projek
1.	Seri Perlis	Rumah Seri Kenangan Kangar	Strecher Pengurusan Jenazah
2.	SPS Hero	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Selatan	T-RI (Tongkat Berdiri)
3.	South West	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Barat Daya	Wilcha Bizz
4.	Gifted Hands	Sekolah Tunas Bakti (STB) Ayer Tawar	Kerusi SPA3
5.	i-NEEDS 2.0	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Hilir Perak	Sistem Pengurusan Dokumen
6.	2HarmoniWE	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor	Sistem ePena PAWE
7.	RSKC TEAM	Rumah Seri Kenangan (RSK) Cheras	Willy Cage
8.	Nada Dinamik	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Gombak	Sistem Carian EZY-Find
9.	Smart Fiks	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Kuala Selangor	Elektronik Pusat Pemindahan Sementara (ePPS)
10.	Atma Wangsa	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Maran	DiVERSE
11.	TEAM TOUGH	Rumah Kanak-kanak (RKK) Tengku Ampuan Fatimah Kuantan	Relaksasi Edible Garden

Bil.	Kumpulan	Agensi	Projek
12.	BAKTI	Rumah Kanak-kanak (RKK) Tengku Sultanah Hajah Kalsom Penor	IGRA Park
13.	Tunas Bakti Tech	Sekolah Tunas Bakti (STB) Jerantut	Power Oven
14.	Mutiara DBDJ	Desa Bina Diri (DBD) Jerantut	Tahap Kebersihan Penghuni PSI Yang Rendah
15.	Devgru (Development Group)	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Kuala Pilah	Kit Bekalan Mudah Alh (Portable Electric Power Supply: P.E.S)
16.	J - Resolusi	Taman Sinar Harapan (TSH) Jubli	Bath for Bedridden (B4B)
17.	Kewangan JKMN	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan	Ingat Lapor (Kaedah Pemantauan Penghantaran Laporan Kewangan Yang Kurang Efisyen)
18.	CAKNA	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Gua Musang	Kotak Cakna
19.	JEMAAH	Rumah Seri Kenangan (RSK) Kemumin	Trolí Agihan Makanan Pesakit Terlantar
20.	The Soaring Eagle	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Dungun	S.M.A.R.T Sensor
21.	The Titans	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Setiu	e-CODE
22.	Terabai Si-manggang	Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian (PKMB) Seri Aman	MyWBest
23.	Welfrenz	Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian (PKMB) Miri	i-Track
24.	Homeward	Jabatan Perkhidmatan Am Sabah	Program Homeward
25.	Exelixi	Sekolah Tunas Bakti (STB) Kota Kinabalu	Alat Peringatan Waktu Makan Ubat Automatik
26.	Sri Stella Team	Taman Didikan Kanak-kanak Kurang Upaya Sri Stella Tawau	Stella Chair



Sesi pembentangan oleh peserta.

KONVENSYEN KEUSAHAWANAN SOSIAL JKM TAHUN 2022

Tarikh : 22 September 2022 (KHAMIS)
 Tempat : Universiti Multimedia, Kampus Cyberjaya
 Perasmi : YBM KPWKM

Konvensyen Keusahawanan Sosial JKM Tahun 2022 ini melibatkan seramai 500 orang peserta terdiri daripada usahawan dan peserta 2 Years Exit Programme (2YEP), calon catalyst keusahawanan sosial, penerima bantuan kanak-kanak, pegawai dan kakitangan, agensi luar dan korporat seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Yayasan Usahawan Negara dan Bank Simpanan Nasional (BSN) serta Chamber of Social Enterprise Development (CSED).

Antara objektif utama penganjuran konvensyen ini adalah memberi pendedahan kepada peserta mengenai

keusahawanan sosial dan perusahaan sosial serta berkongsi pengalaman bersama perusahaan sosial yang telah diiktiraf dan diakreditasi dalam mengembangkan perniagaan dan memberi impak sosial kepada penerima manfaat B40.

Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah pameran dan jualan, sesi perkongsian, ceramah dan taklimat serta penyampaian anugerah kepada peserta 2YEP yang berjaya mengikut negeri sekaligus ditawarkan mikro kredit, latihan dan kursus berkaitan perniagaan daripada Bank Simpanan Nasional (BSN).



SENTUHAN KASIH WARGA EMAS PRIHATIN RAKYAT

YB Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merasmikan program Sentuhan Kasih Warga Emas Prihatin Rakyat pada 8 Oktober 2022 (Sabtu) bertempat di Dewan Serbaguna Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang, Selangor. Seramai 300 orang warga emas telah menghadiri program ini. Antara pengisian program ialah pameran daripada agensi kerajaan dan swasta, ceramah advokasi, sumbangan cermin mata, penyerahan bantuan dan majlis penghargaan kepada warga emas daerah Sepang.



Seramai 300 orang warga emas telah menghadiri program ini.





Antara pengisian program adalah sesi ceramah, perkongsian pengalaman



PERSIDANGAN LEMBAGA PELAWAT INSTITUSI WARGA EMAS

Persidangan Lembaga Pelawat Institusi Warga Emas telah diadakan pada 20 hingga 21 Julai 2022 bertempat di Glory Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat yang disertai seramai 50 orang Ahli Lembaga Pelawat Institusi Warga Emas, Jabatan Kebajikan Masyarakat. Antara pengisian program adalah sesi ceramah, perkongsian pengalaman, kaedah laporan pelaksanaan aktiviti/program di institusi dan sesi dialog dengan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat.



KONVENSYEN SUKARELAWAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT TAHUN 2022

Tarikh: 24 – 25 Julai 2022

Tempat: Bayou Lagoon Park Resort, Melaka

Objektif penganjuran konvensyen ini adalah seperti berikut:

- a. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran sukarelawan dalam kerja-kerja kesukarelaan;
- b. Memantapkan daya tahan dan motivasi dalam barisan sukarelawan untuk terus memberi khidmat bakti kepada masyarakat;
- c. Berkongsi pengalaman, bertukar idea dan pandangan antara sukarelawan serta amalan terbaik yang dapat diperakutikan bersama; dan
- d. Memberi pengiktirafan kepada sukarelawan yang telah terlibat secara aktif dalam kerja kebajikan di akar umbi.

Konvensyen Sukarelawan JKM Tahun 2022 bertemakan ‘Memasyarakatkan Sukarelawan JKM’ yang merupakan gagasan memperkembang, menyebar, meluaskan pengetahuan tentang Sukarelawan JKM sehingga terkenal dalam kalangan masyarakat.

Konvensyen ini telah dihadiri oleh 300 orang yang merangkumi 206 orang Sukarelawan JKM, 59 orang pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri/Wilayah Persekutuan berserta 35 orang pegawai bertugas daripada Bahagian Komuniti bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka.

Konvensyen ini telah menghasilkan satu resolusi yang mengandungi lapan (8) perkara seperti berikut:

- a. Menyediakan peruntukan tahunan bagi pengurusan dan pemerkasaan Sukarelawan JKM setiap negeri;
- b. Memperkuuh penjenamaan dan imej Sukarelawan JKM agar lebih dikenali dan dihormati;
- c. Menyediakan latihan berterusan bagi meningkatkan kapasiti dan kompetensi Sukarelawan JKM;
- d. Menyediakan peralatan komunikasi kecemasan kepada setiap wakil Sukarelawan JKM Negeri;

- e. Menjalankan promosi pendaftaran Sukarelawan JKM dalam kalangan anak muda dan pelbagai kaum;
- f. Memastikan kebaikan dan keselamatan Sukarelawan JKM adalah terjamin dan dilindungi;
- g. Memastikan setiap kumpulan Sukarelawan JKM Negeri didaftarkan melalui Pendaftar Pertubuhan; dan
- h. Membentuk jaringan kerjasama antara Sukarelawan JKM dengan lebih banyak rakan strategik.

Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, YBhg. Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot telah hadir menyempurnakan Majlis Penutup Konvensyen Sukarelawan JKM Tahun 2022 dan seterusnya menyampaikan Anugerah Sukarelawan Cemerlang JKM Tahun 2022.

Anugerah Sukarelawan JKM merupakan satu pengiktirafan kepada Sukarelawan JKM yang merupakan rakan strategik JKM yang telah menggerakkan aktiviti dan membantu JKM dalam melaksanakan kerja-kerja amal dan kebaikan di pelbagai peringkat lapisan masyarakat. Anugerah Sukarelawan ini mempunyai dua (2) kategori iaitu Anugerah Sukarelawan Wanita dan Anugerah Sukarelawan Lelaki.

Objektif Anugerah Sukarelawan JKM adalah seperti berikut:

- a. Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada Sukarelawan JKM yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam perkhidmatan kesukarelaan;
- b. Menyediakan peluang kepada Sukarelawan JKM untuk menghasilkan sesuatu yang berimpak untuk meningkatkan kesejahteraan kumpulan sasar; dan
- c. Menggalakkan persaingan sihat dalam kalangan Sukarelawan JKM ke arah perkhidmatan kesukarelaan yang lebih baik.

Penerima Anugerah Sukarelawan Cemerlang JKM Tahun 2022 adalah:

a. Kategori Wanita

Puan Rohana binti Mohamad Yusof, berusia 45 tahun, Sukarelawan JKM Pahang.

b. Kategori Lelaki

Tuan Yuganu bin Yunus, berusia 61 tahun, Sukarelawan JKM Kelantan.



C PROGRAM SAMBUTAN HARI UTAMA JABATAN DAN AGENSI SAMBUTAN HARI KERJA SOSIAL SEDUNIA TAHUN 2022 PERINGKAT JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Hari Kerja Sosial Sedunia adalah bertujuan untuk mengetengahkan sumbangan kerja sosial, menonjolkan kepentingan perkhidmatan sosial dan mempertahankan keadilan sosial dan hak asasi manusia. Hari Kerja Sosial Sedunia merupakan program kemuncak dalam kalendar kerja sosial dan

disambut pada hari Selasa ketiga bulan Mac setiap tahun. Pekerja sosial seluruh dunia merai dan mempromosi sumbangan profesi kepada individu, keluarga, komuniti dan masyarakat.

Majlis sambutan Hari Kerja Sosial Sedunia Tahun 2022 Peringkat Jabatan Kebajikan Masyarakat telah diadakan pada 15 Mac 2022 di Dewan Nur,



Sesi bergambar bersama jemputan.

KPWKM. Perasmian majlis tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Encik Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KPWKM mewakili Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Objektif sambutan Hari Kerja Sosial adalah untuk:-

- i. Menyuntik semangat baharu dalam kalangan pekerja sosial;
- ii. Merai dan mengiktiraf usaha dan sumbangan pekerja sosial;
- iii. Menggalakan perkongsian ilmu dan percambahan idea dari perspektif ilmiah dan praktis pengamal menerusi sesi forum;
- iv. Menyampaikan mesej dan peranan penting pekerja sosial sebagai penggerak utama pembangunan sosial; dan
- v. Mempamerkan keprihatinan dan komitmen Kerajaan dalam meningkatkan profesionalisme kerja sosial di Malaysia.

Majlis tersebut dihadiri oleh seramai 100 orang yang terdiri daripada warga Jabatan Kebajikan Masyarakat, warga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Pertubuhan Bukan Kerajaan, ahli akademik dan sukarelawan.



Pengisian program semasa sambutan Hari Kerja Sosial.



Majlis dirasmikan oleh YBrs. TKSU (O) KPWKM.

SAMBUTAN HARI WARGA EMAS KEBANGSAAN TAHUN 2022

Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan Tahun 2022 telah disempurnakan oleh **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Al-Marhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj** bertempat di **Dewan Tun Hussein Onn, World Trade Centre, Kuala Lumpur** pada **1 Oktober 2022 (Sabtu)**.

Tema Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan Tahun 2022 adalah ***The Resilience and Contributions of Older Women - Daya Tahan dan Sumbangan Warga Emas Wanita***. Tema ini selaras

dengan tema Sambutan Hari Warga Emas oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang menghargai dan memperingati peranan penting yang telah dilaksanakan oleh warga emas wanita mengharungi cabaran global menyumbang kepada kehidupan dari segi ekonomi, sosial dan budaya dengan daya tahan dan ketabahan yang mereka lalui. Sumbangan dan pengalaman mereka sebahagian besarnya kekal sehingga kini. Seramai 500 orang jemputan warga emas yang telah menghadiri program ini. Antara pengisian program ialah pameran agensi kerajaan, swasta dan NGO, pemeriksaan kesihatan dan majlis penganugerahan kepada warga emas.



HARI INOVASI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT TAHUN 2022

Tarikh : 6 Oktober 2022

Tempat : Dewan Perdana Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi

Hari Inovasi JKM Tahun 2022 telah disempurnakan oleh YBhg Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff (Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) dengan tema “Pembudayaan Inovasi Meningkat Kualiti”.

Sebanyak 13 Kumpulan KIK telah dinobatkan sebagai pemenang tempat pertama hingga ketiga. Pemberian anugerah diberi mengikut empat kategori pertandingan inovasi yang dipertandingkan seperti berikut:



Kategori	Keputusan Pemenang Anugerah Inovasi
1. Inovasi Sosial (Penciptaan)	<p>Tempat pertama: SPS Hero dari PKMD SPS dengan projek T-RI</p> <p>Tempat kedua: South West dari PKMD Barat Daya dengan projek Wilcha Bizz</p> <p>Tempat ketiga: Tiada</p>
2. Inovasi Sosial (Penambahbaikan)	<p>Tempat pertama: Tiada</p> <p>Tempat kedua: Tiada</p> <p>Tempat ketiga: Homeward dari JPKA Sabah dengan projek Homeward</p>
3. Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penciptaan)	<p>Tempat pertama: Tunas Bakti Tech dari STB Jerantut dengan projek Power Oven.</p> <p>Tempat kedua: Devgru dari PKMD Kuala Pilah dengan Portable Electric Power Supply.</p> <p>J-Resolusi dari TSH Jubli dengan projek B4B (Bath for Bedridden).</p> <p>Tempat ketiga: RSKC 1 Team dari RSK Cheras dengan projek Willy Cage. Seri Perlis dari RSK Kangar dengan tajuk projek Stretcher Pengurusan Jenazah.</p>
4. Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penambahbaikan)	<p>Tempat pertama: Bakti dari RKK Penor dengan tajuk projek IGRA Park.</p> <p>Tempat kedua: Atma Wangsa dari PKMD Maran dengan projek DiVERSE.</p> <p>2HarmoniWE dari JKMN Selangor dengan projek Sistem ePENA.</p> <p>Tempat ketiga: Mutiara DBD dari DBD Jerantut dengan tajuk projek Proses Kerja Membersihkan Penghuni bermasalah mental/ terlantar. Terabai Simanggang dari PKMB Seri Aman dengan projek MyWBest.</p>

SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK KEBANGSAAN TAHUN 2022

Tarikh : 27 November 2022

Tempat : Dewan Merdeka, Aras 4 Pusat Dagangan Dunia (WTC), Kuala Lumpur

Bulan Sambutan Hari kanak-kanak tahun 2022 telah diadakan bermula pada 7 Jun 2022 hingga 12 Oktober 2022 dengan tema "**Keterangkuman Dan Kepelbagalian, Untuk Setiap Kanak-Kanak**" (*Inclusion and Diversity, For Every Child*).

Objektif utama Sambutan Hari Kanak-kanak Tahun 2022 adalah seperti berikut:

- i. Memberi penghormatan dan pengiktirafan daripada pihak kerajaan dan masyarakat kepada kanak-kanak dengan meraikan hak kanak-kanak selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak;
- ii. Menggalakkan penyertaan kanak-kanak dalam aktiviti sihat dan bermanfaat serta memainkan peranan dalam membantu kerajaan menangani isu-isu semasa negara;
- iii. Memberi rangsangan kepada kanak-kanak untuk memperkasa modal insan yang mampan dalam kapasiti menyeluruh; dan
- iv. Memperkaya bakat, idea dan memperkuuh nilai jati diri dalam kalangan kanak-kanak.

Pelbagai aktiviti dan pertandingan telah dilaksanakan sepanjang bulan sambutan melibatkan penyertaan daripada kanak-kanak seluruh negara dan kanak-kanak institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pertandingan dan program yang telah dianjurkan adalah seperti *Junior Skills Competition*, Pertandingan Bakat *Talentime* kanak-kanak, KemBARA Khalifah Junior, Program Jom Baca sempena Dekad Membaca Kebangsaan, Khalifah Junior, Forum MPKK dan Forum Keselamatan Kanak-Kanak.



SAMBUTAN HARI ORANG KURANG UPAYA 2022

